

**Jilid I
Bil. 56**



**Hari Rabu
27hb Julai, 1983**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7983]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 8041]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Taman Negara (Pindaan) [Ruangan 8042]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran)
[Ruangan 8068]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Buruh-buruh Kontrek di Rancangan Felda di Selancar Empat, Pahang
[Ruangan 8102]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS, (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- Yang Berhormat TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N., (Seremban).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N. P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 27hb Julai, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-
perkerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SKIM AMANAH
SAHAM NASIONAL

1. **Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa Amanah Saham Nasional (ASN) sekarang boleh dibeli dan dimiliki oleh Warganegara Malaysia keturunan Thai. Jika ya, adakah rancangan ASN ini akan diperluaskan supaya dapat dinikmati oleh warganegara keturunan lain.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang Dipertua, adalah benar Skim Amanah Saham Nasional boleh disertai oleh Warganegara Malaysia berketurunan Thai. Ini ialah disebabkan bahawa mereka mempunyai ciri-ciri Bumiputera. Oleh kerana Amanah Saham Nasional dimaksudkan untuk Bumiputera maka Amanah Saham Nasional tiada rancangan untuk memperluaskan skimnya bagi warganegara bukan Bumiputera.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan apakah ciri-ciri Bumiputera itu?

Timbalan Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, satu daripada ciri-ciri yang telah dikenalpasti oleh pihak yang berkuasa ASN ialah bahawa Warganegara Thai yang berkenaan yang bermastautin di negeri-negeri Kedah, Perlis dan Kelantan ada hak memiliki tanah-tanah rizab Melayu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan apakah anak-anak angkat keturunan Cina, keturunan India yang dipelihara oleh Bumiputera dianggap sebagai Bumiputera?

Timbalan Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, takrif Bumiputera adalah jelas iaitu terdiri daripada orang-orang Melayu dan takrif Melayu pun jelas juga kita fahami mengikut Perlembagaan Malaysia dan di samping orang-orang keturunan Melayu di Semenanjung Malaysia mereka yang dianggarkan sebagai natives di negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah juga termasuk di dalam takrif Bumiputera selain daripada Orang Asli. Jadi, inilah takrifnya. Jadi sesiapa juga yang meliputi takrif Bumiputera ini mengikut Perlembagaan maka ianya akan diterima sebagai Bumiputera dan bolehlah membeli saham mengikut Skim Amanah Saham Nasional.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, untuk perpaduan nasional bukannya masanya sudah sampai untuk pihak Kerajaan memberi satu definisi Bumiputera yang lebih luas

untuk mengandungi semua rakyat Malaysia yang beranak di disini, yang taat-setia kepada Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, sayugia difahami bahawa tujuan ditubuhkan Skim Amanah Saham Nasional ini ialah untuk memenuhi kekurangan-kekurangan dan ketinggalan kaum Bumiputera di dalam bidang hakmilik saham di dalam bidang perniagaan iaitu dengan cara lebih luas di dalam bidang aktiviti ekonomi negara ini dan kedudukan ini telah diterima hakikatnya dan oleh sebab itulah Dasar Ekonomi Baru kita digubal. Maka berasas kepada hakikat ini dan oleh sebab kaum Bumiputera didapati masih tertinggal lagi dan belum lagi menepati target ataupun matlamat kita untuk mengimbangkan masyarakat dari berbilang keturunan di sini maka masanya belum sampai untuk memenuhi hasrat seperti disyorkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

PROJEK PERUMAHAN YANG TERBENGGALAI

2. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sehingga hari ini berapa buah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara dan apa pula tindakan Kementerian berkenaan dalam usaha menyiapkan projek-projek ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Setapak, sehingga 30-6-1983 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengesan serta mengenal pasti sebanyak 34 projek yang didapati terbengkalai di seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak.

Kementerian pada masa ini sedang mengambil tindakan untuk membaiki pulih projek-projek yang terbengkalai itu. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga ini terdapat 2 daripada projek-projek tersebut telahpun siap dibina setelah campur tangan dari Kementerian. Lima (5) projek telah dapat disambung semula, sembilan (9) daripada projek-projek tersebut laporannya telahpun di siapkan dan projek ini akan disambung semula pembinaannya tidak berapa lama lagi. Lain-lain projek masih dalam siasatan awal oleh Kementerian.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu sama ada benar projek-projek perusahaan terbengkalai kerana perancangan kurang baik dan ketidak-upayaan untuk melaksanakan projek-projek perumahan dan sama ada satu jaminan boleh diberi bahawa semua sasaran perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat boleh dipenuhi dalam tempoh rancangan tersebut?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu adalah serupa dengan soalan No. 43 dalam soal jawab mulut pada hari ini dan saya akan mengambil masa itu untuk menjawabnya.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menggalakkan rumah-rumah disediakan oleh para pembeli sendiri jika pihak pemaju tidak dapat menyiapkan skim perumahan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) yang diadakan oleh Kerajaan ini memang ada peruntukan bagi Kementerian untuk mengambil alih projek-projek yang terbengkalai itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, beliau ada menyatakan bahawa beberapa projek perumahan terbengkalai dan pihak Kementerian telahpun mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan itu. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerian yang berkenaan ada menyasiat tentang sebab-sebab yang mengakibatkan projek-projek perumahan terbengkalai itu dan sekiranya ada, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menentukan bahawa masalah ini tidak berulang lagi.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, dalam penyiasatan Kementerian kami terdapat sebab-sebab projek yang terbengkalai ini adalah oleh kerana beberapa perkara. Antara perkara-perkara ini ialah disebabkan tidak ada pengalaman oleh pemaju-pemaju, masalah kewangan, pertikaian antara pengarah-pengarah, perparitan yang tidak sempurna, kekurangan air di kawasan di mana projek itu terdapat, pertukaran pengurusan di dalam syarikat-syarikat itu dan juga terdapat masalah-masalah setingan, masalah kenaikan kos pembinaan, masalah-masalah diantara kontraktor-kontraktor dan pemaju-pemaju dan juga ada terdapat di mana ada masalah tidak ada jalan untuk masuk ke projek itu. Di antara masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, ada beberapanya boleh kita atasi, tetapi ada yang separuhnya itu memanglah tidak dapat kementerian membuat apa-apa, misalannya pertikaian di antara pengarah-pengarah, kita tidak dapat buat apa-apa, tetapi di mana yang boleh kita mengambil tindakan kita akan mengambil tindakan supaya tidak ada lagi perkara itu berlaku di masa hadapan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Salah satu daripada punca-punca kegagalan projek-projek perumahan yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ialah kekurangan air dan perparitan dan juga tiada jalan masuk. Ketiga-tiga sebab ini tentunya termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan sama ada Negeri atau Pusat.

Pertanyaan saya ialah kenapa perkara yang melibatkan tanggungjawab pihak agensi Kerajaan menjadi salah satu daripada punca yang menyebabkan kegagalan projek-projek perumahan sedangkan sebelum sesuatu rancangan perumahan itu dimajukan, pihak yang berkuasa Kerajaan Tempatan atau agensi-agensi yang terlibat dengan perkara-perkara infrastruktur itu sepatutnya sudah tahu siang-siang bahawa projek perumahan ini akan didirikan di situ, tetapi mungkinkah sebabnya tidak ada kerjasama yang erat atau sengaja diadakan red tape untuk melengahkan sesuatu projek itu dijalankan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, setahunya saya sebelumnya sesuatu projek perumahan itu dijalankan di mana-mana satu kawasan, memang dibawalah kepada Jawatankuasa yang menyelaraskan projek-projek pembangunan di dalam sesuatu kawasan. Tetapi berlakunya kekurangan air, tidak ada bekalan elektrik atau jalan masuk tidak ada oleh kerana yang mana saya tahu masalah yang saya dapati di mana pemaju sendiri setelah memberitahu Jawatankuasa ini tidak menyusul perkara ini. Sepatutnya sebelum projek ini selesai, awal-awal lagi mereka hendaklah sentiasa memberitahu agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Misalannya, adakalanya di mana bekalan elektrik

tidak dapat dibekalkan kerana pemaju itu tidak memberi sumbangan modal (capital contribution) untuk mengadakan sub-station misalnya terlebih awal lagi, kadang-kadang bila 3 bulan projek itu hendak siap barulah pemaju tadi menghantarkan wang kepada agensi yang berkenaan dan dalam masa 3 bulan saya rasa mustahil bagi pihak agensi Kerajaan itu untuk menyediakan misalnya bekalan elektrik, sekurang-kurangnya hendaklah diberitahu 9 bulan ataupun 12 bulan sebelum projek itu dijangka siap.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bukan sahaja ada projek-projek perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat terbengkalai di mana kurang daripada 17% matlamat perumahan Rancangan Malaysia Keempat diselesaikan dalam tahun 1981 dan 1982, tetapi ada projek-projek perumahan Rancangan Malaysia Ketiga yang masih terbengkalai. Adakah keutamaan diberi oleh Kementerian untuk menjalankan projek-projek tersebut atau akan adakah projek-projek perumahan Rancangan Malaysia Ketiga akan masih terbengkalai dalam Rancangan Malaysia Kelima?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, Kementerian sedar memang ada projek-projek perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang tidak dapat diselesaikan dalam masa yang ditentukan. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Keempat kami telah pun mengadakan peruntukan untuk menyelesaikan projek-projek ini dan beberapa projek telah pun siap selesai, tetapi maaf, saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat pada masa ini tetapi saya rasa kalau perlu saya akan memberi angka-angka itu dalam sekejap masa lagi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Didapati banyak sungutan-sungutan rakyat tentang rumah yang telah dibina oleh pihak.....

Tuan Yang Dipertua: Minta kuat sedikit!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Didapati rumah-rumah yang telah dibina banyak di antara sungutan-sungutan orang-orang yang membeli rumah tersebut tidak begitu kukuh (solid), misalannya 2-3 tahun didapati dinding-dinding pecah ataupun simen jatuh dengan sendirinya. Kemudian, pendapat setengah-setengah engineer swasta mengatakan cara bancuh simen tidak begitu cukup antara pasir dengan simen. Adakah tuduhan-tuduhan anggapan seumpama ini benar ataupun pihak Kementerian sedar perkara ini?

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu baik tetapi malangnya tak berbangkit daripada soalan asal (*Ketawa*).

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi saya dapati tidak begitu jelas apakah tindakan yang akan diambil ke atas pemaju yang tidak bertanggungjawab untuk menyiapkan projek perumahan selain daripada mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran pemaju itu, pada akhirnya orang yang menghadapi kerugian ialah pembeli. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu si pembeli itu yang sebenarnya menghadapi kesulitan, bukan pemaju sahaja?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, kalau mengikut peraturan yang ada hari ini memanglah patut kita denda pemaju-pemaju ini. Tetapi memandangkan seramai 2,946 pembeli-pembeli

terlibat di dalam projek terbengkalai ini maka Kementerian kenalah menggunakan budibicara dan daripada segi peri kemanusiaan kami telah masuk campur tangan untuk membawa kedua-dua belah pihak ini untuk berunding bersama-sama supaya projek-projek yang terbengkalai ini dapat disiapkan. Kalau kami mengambil tindakan untuk membawa mereka ini ke mahkamah, sudah tentulah pembeli-pembeli juga akan mengalami kerugian kerana bukan sahaja mereka ini terpaksa membayar sewa-sewa rumah yang mereka sedang menduduki, tetapi mereka juga terpaksa membayar balik hutang yang mereka membuat untuk membeli rumah-rumah ini. Jadi daripada segi peri kemanusiaan itulah tindakan Kementerian pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Rantau Panjang, soalan penghabisan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah di antara pemaju-pemaju perumahan yang tergendala ataupun terbengkalai projek perumahan ini terdiri daripada kontraktor bumiputera sahaja ataupun termasuk juga bukan bumiputera? Dan yang kedua, apakah di antara berpuluh-puluh projek perumahan yang terbengkalai itu termasuk juga projek perumahan yang sudah siap, terletak di tepi jalan dan jalanraya masuk tetapi penghuninya tidak ada?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, ke 34 projek yang saya sebutkan tadi bukannyalah semuanya kontraktor ataupun pemaju bumiputera, semuanya ini termasuklah juga pemaju-pemaju yang bukan bumiputera. Berkenaan dengan soalan yang kedua tadi, boleh tolong ulang sedikit Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Ya.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, ada projek perumahan yang sudahpun terbangun bangunan itu, di tepi jalan letaknya tetapi penghuninya tidak ada. Apakah sebab-sebabnya?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah tahu kenapa sebabnya agaknya perumahan ini tidak diduduki.

Tuan Yang Dipertua: Saya bersetuju, susah hendak jawab (*Ketawa*). Mereka tidak mahu duduk di tempat itu agaknya.

INSTITUT BELIA— PENUBUHAN

3. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah Institut untuk melatih Belia Berniaga yang diura-ura akan ditubuhkan oleh Kementerian beliau dapat mencapai matlamat memperbanyakkan lagi belia-belie yang berjaya dalam perniagaan tanpa mengubahsuaikan kaedah-kaedah mendapatkan kemudahan sumber modal dan mendapatkan modal yang mencukupi melalui sekim Belianiaga dan Belia Peladang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan institut ini masih dalam peringkat cadangan sahaja dan kajian mendalam mengenainya sedang dijalankan. Kementerian saya memikirkan bahawa pengujudan institut ini yang bertujuan untuk memberi dorongan latihan dan bimbingan akan dapat membantu dalam usaha Kementerian saya bagi menambahkan bilangan belia dalam bidang perniagaan dan juga meningkatkan lagi kejayaan projek Belianiaga yang sedang berjalan. Penubuhan institut ini

dijangka tidak akan melibatkan pengubahsuaian kaedah mendapatkan kemudahan sumber modal melalui sekim Belianiaga dan Belia peladang.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beri tahu sama ada institut untuk melatih Belianiaga akan terbuka kepada semua belia tanpa mengira kaum?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, perkara ini sedang dalam kajian lagi.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan bahawa penubuhan institut melatih Belianiaga tidak akan melibatkan pengubahsuaian kaedah sekim Belianiaga dan skim Belia Peladang. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada cara untuk mendapatkan pinjaman modal daripada sekim Belianiaga dan Belia Peladang ini sesuai bagi para belia terutama bagi mereka ataupun belia-belia yang tinggal di luar bandar kerana saya dapati bahawa format untuk mendapatkan bantuan Belianiaga dan Belia Peladang adalah begitu sukar dan begitu panjang, banyak perkara-perkara yang perlu diisi oleh para belia sedangkan pengetahuan para belia yang tinggal di luar bandar amat cetek dan pengetahuan mereka tidak sampai ke paras format sekim pinjaman Belianiaga dan Belia Peladang tersebut.

Tuan Yang Dipertua: Saya rasa soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

PENTERNAKAN LEMBU/KAMBING DI LADANG

4. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau ada apa-apa cadangan untuk menggalakkan penternakan lembu dan kambing di ladang-ladang, memandangkan kepada minat dan kebolehan para pekerja ladang dalam bidang ini dan sebagai suatu langkah menambahkan bekalan daging dan susu untuk keperluan negara.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian memang ada mempunyai program bagi menggalakkan usaha-usaha menternak lembu dan kambing di ladang-ladang dengan syarat kebenaran didapati dari pihak pengurusan ladang-ladang tersebut. Di antara projek-projek yang digalakkan ialah menternak lembu susu, lembu daging dan kambing. Di samping itu, perkhidmatan sokongan seperti penanaman rumput fodder, artificial insemination atau pernianian beradas, kawalan penyakit dan latihan penternak-penternak juga diberi.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974— PENGUATKUASAAN

5. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan sejauh manakah Akta Alam Sekeliling 1974 dikuatkuasakan di Sabah. Adakah beliau memberitahu berapa banyakkah kes-kes pencemaran alam sekitar di Sabah yang telah dihadapkan ke mahkamah dan berapa daripadanya telah dijatuhkan hukuman denda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang Dipertua, semenjak Akta Kualiti

Alam Sekeliling, 1974 mula dikuatkuasakan pada 15hb April, 1975 ianya meliputi Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Namun demikian, kegiatan penguatkuasaan baru sahaja dapat dipergiatkan dengan penubuhan pejabat cawangan Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya bagi negeri Sabah mulai bulan Mac, 1981. Hasil tindakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berdasarkan kepada kemampuan dari segi kepegawaian empat kes telah dibawa ke mahkamah dan keputusannya adalah seperti berikut:

- (1) Sabah Estate Palm Oil Mills (Sdn.) Bhd., Sandakan didapati bersalah kerana melepaskan effluen dengan kepekatan oksigen bio-kimia yang diperlukan yang berlebihan di Mahkamah Rendah Sandakan pada 24hb Februari, 1982 dan didenda sebanyak \$800.
- (2) Kilang Kelapa Sawit Unipalmol (Sabah) Ltd. didapati bersalah di Mahkamah Rendah Sandakan dan telah diberi amaran di bawah seksyen 173(A) Kanun Acara Jenayah pada 24hb Februari, 1982.
- (3) Sabah Agricultural Development Palm Oil Mill (Sdn.) Bhd., didapati bersalah dan didenda sebanyak \$3,000 di Mahkamah Rendah, Semporna pada 28hb April, 1983 kerana menduduki dan menggunakan premis yang ditetapkan (prescribed premises) tanpa lesen.

- (4) Syarikat Hock Lee Sawmill (Sdn.) Bhd., Kota Kinabalu didapati bersalah di Mahkamah, Kota Kinabalu, pada 1hb Julai, 1983 dan didenda sebanyak \$3,000 kerana membuat pembakaran terbuka tanpa lesen.

Selain daripada itu, bayaran kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar, Udara Bersih, 1978 telah melibatkan 37 kes dengan jumlah kompaun sebanyak \$16,000.

MINYAK MENTAH—KEUPAYAAN PENGELUARAN NEGARA

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan purata pengeluaran minyak mentah negara sehari dalam tahun 1982 dari setiap buah kawasan minyak yang ada sekarang. Dan sebahagian daripada jumlah yang diproses di kilang-kilang penapis dalam negeri nyatakan keupayaan setiap kilang penapis itu menjalankan penapisannya purata sehari dalam tahun yang sama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James Peter Ongkili): Tuan Yang Dipertua, negara kita mempunyai 3 kawasan yang mengeluarkan minyak mentah iaitu Sabah—83,000 tong sehari, Sarawak—120,000 tong sehari dan Terengganu—167,000 tong sehari pada masa ini.

Jumlah minyak tempatan yang ditapis di kilang-kilang penapis minyak dalam negara kita pada tahun 1982 adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah ditapis</i> (tong sehari)	<i>Keupayaan:</i> (tong sehari)
(i) Esso Refinery Port Dickson ..	10,239	42,000
(ii) Shell Refinery, Port Dickson ..	26,704	90,000
(iii) Shell Refinery Lutong	15,000	45,000

Dan semenjak sebulan lebih yang lalu, kilang penapis minyak yang dipunyai oleh kita seratus-peratus iaitu Kilang Penapis Minyak Petronas sendiri telahpun berjaya memulakan pengeluaran penapisan minyaknya di Kertih, Terengganu dengan keupayaan 30,000 tong sehari.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa Kerajaan sudah mengubah rancangannya untuk meningkatkan keupayaan penapisan minyak dengan menambah projek membina kilang penapis minyak di Melaka?

Datuk Dr James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, dasar Kerajaan mengenai dengan pengeluaran minyak, terutama sekali penapisan minyak di negara ini adalah tertakluk kepada keperluan negara terlebih dahulu pada unggulnya, dan sebenarnya pengeluaran minyak yang ditapis di negara kita ini adalah seperti yang saya berikan tadi. Kilang penapis minyak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di Melaka itu adalah dalam pertimbangan dan belum ada keputusan yang muktamad untuk mengadakannya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan pasaran minyak mentah dunia sekarang ini berlebihan adakah Kerajaan bercadang mengurangkan pengeluaran minyak mentah mengikut satu dasar depletion policy untuk menentukan sumber minyak mentah di dalam negara kita tidak dibazirkan?

Datuk Dr James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya negara kita telah pun mengenakan dasar national depletion policy sejak dua tiga tahun yang lalu lagi dan pada ketika ini dasar pengurangan ini masih dijalankan memandangkan harga minyak pada masa ini agak rendah dan pasaran minyak masih terdesak.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan jumlah bilangan kilang-kilang penapis minyak yang akan dibina supaya seluruh pengeluaran minyak dapat ditapis di dalam negara kita sendiri?

Datuk Dr James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya telah pun memberi jawapan tadi bahawa terdapat empat kilang penapis minyak di negara kita pada masa ini iaitu dua di Port Dickson dan satu di Lutong, Sarawak dan yang baru-baru ini satu kepunyaan perbadanan minyak kita sendiri iaitu Petronas di Kertih, Terengganu.

Selain daripada itu, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mana sedang di dalam rancangan Kerajaan, dan sekiranya jadi akan memberi keupayaan yang agak besar, sekiranya jadi, 120,000 tong sehari minyak ditapis di Melaka. Jadi kawasan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pun dapat juga hasil daripadanya, tetapi selain daripada itu Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengadakan kilang-kilang penapis minyak yang lain kerana yang saya sebut itu adalah dianggap memadai bagi beberapa tahun yang akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi yang Berhormat Menteri ada kata bahawa rancangan untuk mengadakan satu kilang penapis minyak di Melaka, perkara ini belum dapat satu keputusan yang muktamad. "Sekiranya jadi" dengan menggunakan ayat atau perkataan "sekiranya jadi", ini satu kenyataan yang sangat memeranjatkan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri buat satu kesilapan atau tidak dapat satu taklimat yang penuh oleh kerana sampai peringkat sekarang pengumuman yang ada dibuat oleh Kerajaan ialah akan adakan satu keputusan muktamad sudah dibuat bagi mengadakan satu kilang penapis

minyak di Melaka. Tetapi baru-baru ini ada laporan bahawa oleh kerana keadaan ekonomi sekarang, permulaan projek ini akan dilambatkan satu tahun dan bukan sebaliknya bahawa satu keputusan yang muktamad mengenai mahu atau tak mahu menjalankan projek itu belum dibuat. Bolehkah beliau dengan jelasnya mengatakan sama ada satu keadaan baru sudah timbul di mana Kerajaan dalam menimbangankan sama ada membatalkan sepenuhnya rancangan ini, dan kalau begitu kenapa?

Datuk Dr James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya rasa jawapan saya tadi cukup tegas, saya telah mengakui yang ada rancangan Kerajaan ini dan ini termasuklah apa yang Ahli Yang Berhormat telah ketahui mengenai dengan kenyataan Kerajaan. Jawapan saya tadi tegas, memandangkan keadaan ekonomi yang mendesak maka projek ini seperti juga beberapa projek yang lain—ini tidak menghairankan seperti juga beberapa projek Kerajaan yang lain—sedang diperlambatkan dan ditinjau semula. Tetapi apa yang telah dikatakan itu memang rancangan itu ada di situ. It is just delayed and being reconsidered, dengan izin, Tuan Yang Dipertua.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri oleh kerana keputusan untuk buat kilang penapis minyak mentah di Melaka itu belum lagi muktamad dan juga nampaknya wakil Kota Melaka sendiri tidak hendak, apakah cadangan untuk mengubah pusat penapis minyak itu ke Pantai Timur juga, umpamanya, Pasir Putih, (Ketawa) Semerak dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua: Saya tak benarkan soalan itu. (Ketawa).

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kilang penapis minyak di Kerteh, Terengganu yang dibuat oleh Petronas. Saya hendak tahu adakah minyak yang dikeluarkan daripada kilang itu akan dibawa ke negeri-negeri sebelah pantai barat ataupun akan digunakan dalam negeri-negeri di sebelah pantai timur yang berhampiran dengan kilang penapis itu. Saya bertanya perkara ini kerana saya berpendapat kalau tak silap saya negeri yang terletak dekat dengan sesuatu kilang penapis itu ada mendapat faedah daripada segi differential cost iaitu kos pengangkutan yang lebih rendah. Jika ada, boleh saya kata, saya setuju; jika tidak ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri memikir supaya satu strategi ataupun dasar yang macam ini boleh dipakai berkenaan dengan pengeluaran minyak di kilang penapis di Kerteh?

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, pengeluaran minyak bertapis daripada kilang penapis PETRONAS di Kerteh ini adalah untuk seluruh negara dan sekiranya negeri yang lebih dekat seperti Terengganu, Pahang, Kelantan dan sebagainya terlebih dahulu diberi perkhidmatan ataupun pembahagian pengedaran minyak itu, itu adalah disebabkan oleh dekatnya negeri-negeri ini. Tetapi pada dasarnya dan kita juga berharap pada hakikatnya pengedaran minyak daripada kilang kita sendiri ini adalah bukan sahaja untuk negeri-negeri Semenanjung, tetapi seluruh negara termasuklah Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang penghabisan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rakyat negeri Terengganu

tidak begitu suka sangat minyak daripada kawasan ini dihantar ke negeri Melaka khususnya bukan kerana Kota Melaka diwakili oleh DAP, bukan kerana politik. Tetapi kita memikirkan lebih baik capacity kilang penapis yang ada sekarang ini ditambah sehingga boleh memproses semua minyak yang dikeluarkan di sana, oleh kerana kos membina sebuah kilang baru adalah tinggi lebih-lebih lagi memikirkan bahawa kilang baru yang direncanakan di Melaka itu lebih besar capacitynya daripada kilang yang ada di Kerteh.

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan, saya fikir akan mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat itu.

PROJEK SEKOLAH— PEMBINAAN DITUNDA

7. **Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa kerja-kerja pembinaan beberapa sekolah telah tergantung oleh kerana kemelesetan ekonomi, sungguhpun tender telah dipanggil, dan jika benar berikan bilangan sekolah yang terlibat dan bila kerja-kerja pembinaan itu akan dimulakan semula.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, memang benar Kementerian Pelajaran menunda beberapa projek sekolah dari pembinaannya, walaupun projek-projek tersebut telah ditender, Jumlah projek sekolah yang terlibat dalam keadaan ini ialah 243 buah semuanya.

Kementerian Pelajaran sebenarnya sentiasa memastikan bahawa pembinaan sekolah-sekolah ini akan diteruskan sebaik sahaja Kementerian menerima peruntukan yang membolehkan kerja-kerja dilaksanakan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu jumlah projek-projek sekolah baru yang pembinaannya dijadualkan bermula tahun ini tetapi di belakangkan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kerana angka-angka diperlukan, dengan izin, saya jawab secara bertulis.

Tuan Yang Dipertua: Dia hendak notis. Ahli Yang Berhormat yang di belakang, Ulu Nerus!

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut sebanyak 243 buah sekolah tergendala kerana keadaan ekonomi yang meleset. Saya teringat kenyataan dan jaminan yang dibuat oleh Kerajaan bahawa keadaan kemelesetan ekonomi tidak akan menjejaskan projek-projek yang tinggi kesan sosio ekonomi terutamanya kepada rakyat di luar bandar. Saya berpendapat terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar adalah merupakan projek yang tinggi kesan ekonominya, jadi kegendalaan ini tidakkah Kerajaan berpendapat menjejaskan sosio ekonomi rakyat dan bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk memastikan bahawa projek-projek sekolah yang tergendala ini dapat dikaji dan diberi perhatian segera supaya keadaan kemelesetan tidak akan menjejaskan lebih banyak lagi pembinaan sekolah-sekolah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya walaupun 243 buah projek ini ditangguhkan pembinaannya untuk ketika waktu, kita mendapati bahawa dari segi penjejasan terhadap keadaan sosio ekonomi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidaklah sebegitu ketara oleh kerana kita ada

beberapa alternative yang sedang kita laksanakan sekarang. Kementerian sedang membina kelas-kelas tambahan secara kos rendah dan cepat termasuk yang dibina secara pasang siap, ini akan menentukan bahawa keperluan bilik-bilik darjah itu menepati sekurang-kurangnya daripada apa yang diperlukan.

Projek-projek yang saya sebut di dalam jawapan tadi merupakan projek-projek besar yang memerlukan kos banyak dan masa yang lama untuk pembinaan.

Selain daripada itu kita tahu juga sekiranya timbul keadaan terdesak setengah daripada sekolah-sekolah kita boleh menjalankan pelajaran dua session, sekolah di waktu pagi dan di waktu petang. Tujuan asal menambah projek-projek yang saya sebutkan tadi mengikut perancangannya ialah supaya kita melaksanakan program satu session. Ini adalah matlamat jangka panjang. Jadi seperti yang saya bayangkan tadi masalah penangguhan tidaklah begitu ketara seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sebuah sekolah dalam kawasan saya yang bernama Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Salak Selatan walaupun telah mendapat kebenaran dari pihak Kementerian dan JKR dua tahun dahulu, masih belum mula dibina dan nyatakan bilakah pembinaan sekolah tersebut dijangka bermula?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, di dalam kes seperti ini mungkin juga pembinaannya menghadapi masalah tertentu seperti masalah mengenai tanah, umpamanya sekiranya tanah itu mempunyai setinggai dan sebagainya. Walau bagaimanapun, atas soalan Ahli Yang Berhormat itu

Kementerian saya akan cuba menyasat dan mengenalpasti masalah ini.

UNIT KHAS PERTANIAN— PENUBUHAN

8. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk menubuhkan Unit Khas Pertanian di peringkat mukim-mukim di seluruh negara iaitu dengan menempatkan pegawai-pegawai mengikut bidang masing-masing, bagi menentukan kejayaan Dasar Pertanian Moden dapat dilaksanakan dengan berkesan sekali.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Pertanian peringkat kawasan telah pun ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Pegawai Pertanian atau Pembantu Pertanian Daerah dan dianggotai oleh semua pegawai-pegawai Jabatan, Agensi di bawah Kementerian Pertanian termasuk pegawai-pegawai dari lain-lain Jabatan yang ada kaitan dengan pembangunan pertanian.

Tugas-tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan Program Projek Pembangunan Pertanian bagi kawasan masing-masing secara bersepadu.

Susunan pentadbiran yang sama juga diwujudkan di peringkat negeri yang mana ianya dipengerusikan oleh Pegawai FAMA Negeri dengan dianggotai oleh Ketua-ketua Jabatan, Agensi di bawah Kementerian Pertanian di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dengan mengadakan unit-unit pertanian moden yang hendak dibawa ke

mukim-mukim itu akan dapat menjamin kemajuan pertanian dalam negara kita, sebab yang saya kata begitu Tuan Yang Dipertua, kawasan saya sebagai kawasan yang berhampiran dengan Selatan Siam. Kemajuan perusahaan pertanian di Selatan Siam atau di Thailand lebih daripada negara kita nampaknya sehingga di masa akhir-akhir ini durian daripada Thailand pun bertimbun-timbun masuk ke Kelantan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan dan ketegasan apakah cara kita menubuhkan unit-unit perancangan pertanian hingga ke kampung-kampung ini dapat menjamin kemajuan pertanian dalam negara kita?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, seperti saya jawabkan tadi tujuan Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek di bawah jagaan Kementerian dan mengatasi apa-apa juga masalah yang berbangkit dengan harapan bahawa ini akan menimbulkan hasil yang tertentu. Jadi saya tidak begitu faham tentang masalah di kawasan Ahli Yang Berhormat itu tetapi pada amnya Jawatankuasa-jawatankuasa yang diadakan telah menyumbang kepada pembangunan pertanian pada amnya.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau telah menerangkan bahawa untuk memesatkan lagi usaha pertanian ini, Jawatankuasa Penyelaras di peringkat Kawasan dan Negeri telah ditubuhkan. Bagaimana kedudukannya dengan keadaan di Daerah-daerah, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa yang seumpama ini diperingkat Daerah?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di peringkat Daerah ada Jawatankuasa Tindakan

Daerah dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertanian turut menganggotai Jawatankuasa tersebut.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus, soalan penghabisan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Pertanian, di Malaysia sebuah negara yang subur rasa saya belum ada Kementerian Pertanian mengadakan tanaman kapas secara besar-besaran dan kapas adalah satu hasil yang besar. Adakah pihak Kementerian Pertanian bercadang untuk membuat projek menanam kapas secara besar-besaran di Malaysia ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DI SEKOLAH RENDAH

9. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementeriannya telah hentikan pembahagian makanan-makanan tambahan kepada murid-murid darjah satu dan dua sekolah rendah dan apa sebabnya.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, Rancangan Makanan Tambahan di sekolah rendah bagi tahun 1983 ini telah dihentikan buat sementara waktu untuk membolehkan Kementerian Pelajaran menjalankan satu kajian tentang rancangan ini supaya dapat menentukan kekesanannya dalam pelaksanaannya dan juga merancang satu strategi baru dalam pelaksanaan rancangan ini pada masa hadapan dan juga mengambil tindakan-tindakan berjimat-cermat yang sewajarnya dan memastikan

bahawa kanak-kanak yang diberi keutamaan dari segi masalah salah pemakanan diberi makanan tambahan. Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah untuk meneruskan makanan tambahan di sekolah-sekolah rendah pada Penggal 3 persekolahan tahun ini dengan menggunakan satu strategi baru.

DASAR EKONOMI BARU— MATLAMAT

10. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar jurang di antara orang-orang kaya dan miskin makin hari makin lebar serta matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah gagal memenuhi harapan yang diduga; jika ya, nyatakan keadaan sebenarnya, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan itu serta membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan adil dan saksama.

28-7-83

14. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan bahawa jurang perbezaan antara golongan berada dengan golongan tidak berada Bumiputera terutama di kalangan petani-petani, penoreh-penoreh getah dan nelayan di luar bandar dengan penduduk-penduduk bandar adalah bertambah luas walaupun Kerajaan kini telah melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat dan Dasar Ekonomi Baru, jika benar, apakah langkah positif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud yang

isi kandungannya sama hasratnya iaitu soalan yang dikemukakan bagi jawapan esok, pada 28-7-83.

Tuan Yang Dipertua, jurang perbezaan di antara kumpulan-kumpulan sosio-ekonomi akan tetap wujud dan ini adalah satu hakikat yang kita semua perlu menerimanya. Jurang perbezaan ini wujud oleh kerana sistem pentadbiran negara ini mengamalkan sistem "free enterprise" yang berasaskan keupayaan bekerja kuat dan persaingan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak sensitif kepada adanya jurang perbezaan di negeri ini terutamanya di antara kaum, di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, di antara petani-petani dengan pekerja-pekerja kilang di bandar dan di antara negeri-negeri. Kerajaan telah dan akan terus mengambil perhatian yang berat terhadap masalah jurang perbezaan yang kian bertambah ini.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi perlu dicapai supaya lebih banyak lagi peluang-peluang untuk meningkatkan pendapatan semua kumpulan sosio-ekonomi di negeri ini dapat diadakan. Peluang-peluang ini hendaklah diambil oleh semua rakyat Malaysia sekiranya mereka hendak meningkatkan pendapatan mereka dan dari itu merapatkan jurang perbezaan yang wujud di antara kumpulan-kumpulan sosio-ekonomi. Dengan adanya keupayaan bekerja kuat, menambah daya pengeluaran dan adanya persaingan maka seseorang anggota masyarakat kita akan dapat meningkatkan pendapatan dan merapatkan jurang perbezaan di antara kita sesama sendiri. Kita tidak lagi boleh sentiasa atau sepenuhnya bergantung kepada Kerajaan untuk mendapat bantuan bagi meningkatkan pendapatan.

Data-data telah menunjukkan bahawa sehingga tahun 1979, pendapatan kumpulan-kumpulan

sosio-ekonomi telah didapati meningkat. Sekiranya pendapatan purata bulanan isirumah digunakan sebagai satu petunjuk kedudukan ekonomi isirumah maka bagi kaum bumiputera, misalnya, pendapatan ini dalam harga sebenar telah meningkat sebanyak 1.8 kali di antara tahun-tahun 1970 hingga 1979. Pendapatan purata bulanan isirumah kaum bumiputera bagi kumpulan 40% terendah (iaitu satu "proxy" yang digunakan bagi golongan berpendapatan rendah) didapati telah juga meningkat dari \$56.76 dalam tahun 1970 kepada \$140.35 dalam tahun 1979. Angka-angka yang disebutkan ini tidak memberi gambaran yang jelas mengenai perubahan yang berlaku dalam kedudukan ekonomi kaum bumiputera. Setakat ini kepentingan bumiputera telah menguasai hakmilik beberapa sektor ekonomi seperti estet, lombong dan bank. Lebih ramai lagi kaum bumiputera juga didapati bergiat dalam ekonomi di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur. Baru-baru ini iaitu dalam tempoh 1981-83, memandangkan bahawa kemelesetan ekonomi dunia telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita dan pendapatan isirumah-isirumah yang bergantung kepada barangan eksport, kita tidak boleh mengharapkan bahawa jurang perbezaan telah bertambah baik dalam tahun-tahun yang saya sebutkan tadi. Keadaan ini adalah di luar kuasa kita.

Wujudnya jurang perbezaan ini tidak bermakna kita telah gagal dalam usaha-usaha mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sebaliknya, kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dalam dekad pertama DEB iaitu 1970 hingga 1980. Kadar kemiskinan mengikut konsep kemiskinan yang digunakan pada masa ini iaitu berasaskan pendapatan garis kemiskinan yang mutlak telah berkurangan dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2%

dalam tahun 1980. Walau bagaimanapun, dalam menilai dan membuat kesimpulan berkenaan dengan tahap kemiskinan di negeri ini, kita perlu mengetahui konsep kemiskinan itu sendiri oleh kerana konsep ini mempunyai takrif yang berlainan kepada lain-lain orang dan lain-lain negara. Di Malaysia, kita tidak mempunyai kemiskinan mutlak (absolute poverty) yang melibatkan keadaan kelaparan dan kebuluran yang berterusan seperti yang terdapat di beberapa negara-negara membangun. Di negara-negara membangun yang lain, sebagaimana yang diketahui, terdapat "absolute deprivation" yang membawa kepada kehilangan nyawa. Di Malaysia, kita lebih mementingkan soal kemiskinan yang relatif iaitu mengenai jurang perbezaan di antara golongan berpendapatan rendah dengan golongan berpendapatan tinggi di negara ini. Dalam hal ini, isirumah-isirumah adalah miskin berbanding dengan tahap kehidupan (standard of living) yang ada pada masa ini yang biasanya diukur mengikut tingkat pendapatan per kapita negara ini. Walau bagaimanapun, apa yang perlu ialah meningkat dengan lebih cepat lagi pendapatan golongan berpendapatan rendah. Kerajaan akan terus mengesan kemajuan dalam peningkatan pendapatan isirumah-isirumah supaya hakikat matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dipenuhi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi satu gambaran dalam Dewan ini sama ada pihak Kerajaan mempunyai keyakinan bahawa Dasar Ekonomi Baru dapat mencapai objektifnya pada tahun 1990. Dan sekiranya objektif ini tidak dapat dicapai pada tahun itu, apakah langkah yang pihak Kerajaan berhajat untuk mengambil bagi tujuan mengatasi masalah kemiskinan dan juga menyusun semula masyarakat.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang Dipertua, semua faktor-faktor yang mempengaruhi kemungkinan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sedang diambil kira dan diteliti oleh Kerajaan. Terlampau awal bagi Kerajaan untuk menyatakan sama ada matlamat Dasar Ekonomi Baru ini akan dapat ditepati sepenuhnya ataupun 100% setakat ini memandangkan kepada berbagai-bagai faktor di luar kuasa Kerajaan sendiri yang harus diambil kira. Kajian mendalam dan meneliti sedang dibuat, oleh itu saya tidak dapat membuat apa-apa kenyataan setakat ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan tentang hal Dasar Ekonomi Baru yang kalau tidak salah saya Yang Amat Berhormat pernah menjelaskan di dalam akhbar, kalau pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru 1990 tidak tercapai dengan sepenuhnya maka kemungkinan besar dasar ini akan ditinjau dan dikaji semula.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang Dipertua, Dasar Ekonomi Baru ialah digubal meliputi 20 tahun di dalam perancangan pembangunan negara kita. Ini bermakna bahawa ianya meliputi tahun 1970-1990. Apa yang saya sarankan di dalam kenyataan saya dahulu ialah satu kenyataan dan hakikat yang harus diterima iaitu apabila tiba tahun 1990, kita hendaklah memikirkan kemungkinan-kemungkinan baik buruknya dan memikirkan setakat ini apakah alternatif-alternatif atau pilihan-pilihan untuk melanjutkan proses pembangunan negara kita. Oleh sebab proses pembangunan negara kita seperti mana juga proses pembangunan negara-negara mana juga ialah meliputi masa yang sepanjang-panjangnya. Jadi kalau tiba pada tahun 1990 atau di dalam sesuatu rancangan lima tahun negara kita misalnya, tiap-tiap kali kita mengkaji

kejayaan atau kebuntuan atau kekurangannya dan selepas itu kita mengatur balik strategi. Dalam konteks inilah saya telah membuat kenyataan yang sedemikian.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 11 hingga 43 adalah diberi di bawah ini)

MENTERI LUAR NEGERI RANCANGAN LAWATAN KE MOSCOW

11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau bercadang untuk membuat lawatan resmi ke Moscow, sebagaimana rancangan Menteri Luar Indonesia yang akan membuat lawatan resmi ke Moscow untuk menjelaskan pendiriannya dan kemajuan terbaharu dalam konflik Kampuchea dengan pimpinan Russia. Jika tidak, apakah amaran Pemimpin Russia terhadap negara-negara ASEAN baru-baru ini tidak akan melibatkan negara kita.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Menteri Luar Negeri kita tidak mempunyai sebarang rancangan buat masa ini untuk membuat lawatan resmi ke Moscow. Namun demikian Malaysia memang menyedari pendirian Soviet Union dan ianya juga menyedari pendirian kita dari semasa ke semasa, atas isu Kampuchea. Oleh itu, dalam sebarang perbincangan dengan Soviet Union kita sering menekankan kepada pihak Soviet, di antara lain, bahawa sebagai sebuah negara yang mempunyai pengaruh besar atas Vietnam, ianya mestilah memainkan peranan yang lebih positif ke arah mencapai penyelesaian politik yang menyeluruh terhadap musuh tersebut berdasarkan kepada Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan.

tersebut berdasarkan kepada Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan.

Berhubung dengan sebarang ancaman luar, sama ada nyata atau tidak, Kerajaan Malaysia akan terus berjaga-jaga dan mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk melindungi dan mempertahankan keselamatan dan maruah negara dari sebarang ancaman.

TEKSI SINGAPURA KE JOHOR BAHRU—PERMIT

12. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan teksi Singapura yang diberi permit untuk berkhidmat ke Johor Bahru dan bilangan teksi Johor Bahru yang diberi permit untuk berkhidmat ke Singapura.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Bilangan teksi Singapura yang diberi permit untuk berkhidmat ke Johor Bahru ialah 150 buah dan bilangan teksi Johor Bahru yang diberi permit untuk berkhidmat ke Singapura juga adalah sebanyak 150 buah.

MENGETAR JALAN-JALAN UTAMA DI SARAWAK

13. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membuat peruntukan bagi mengetar semua jalan-jalan utama di Sarawak memandangkan keadaannya adalah lebih buruk dari yang terdapat di lain-lain Negeri di Malaysia dan jika tidak mengapa.

Mentei Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan utama di Sarawak adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan penyelenggaraannya seperti membaharui muka jalan adalah dibuat

oleh Kerajaan Negeri sendiri. Walau bagaimanapun, bagi maksud penyelenggaraan jalan-jalan negeri di Malaysia, satu peruntukan grant jalan atau "road grant" adalah diberikan kepada semua Kerajaan Negeri atas kadar purata sebanyak \$9,300.00 bagi tiap-tiap satu batu setahun untuk penyelenggaraan jalan-jalan mereka yang layak menerimanya.

SEKOLAH TINGGI BUKIT MERTAJAM—BILIK DAR- JAH

14. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar Kementerian telah berjanji akan membina 3 blok bilik darjah bagi Bukit Mertajam High School untuk menggantikan bilik-bilik darjah lama yang telah dibina pada tahun 1927, dan setakat ini, cuma 1 blok sahaja dibina dan bila kedua-dua blok lagi akan mula dibina.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Seperti Ahli Yang Berhormat telah termaklum perancangan pelaksanaan bagi menggantikan bilik-bilik darjah lama untuk Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dibuat dalam dua peringkat. Pelaksanaan pertama ialah dalam Rancangan Malaysia Kedua yang terdiri dari satu blok yang mengandungi 12 bilik darjah dan 3 buah makmal sains tulin. Blok ini telah dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan siap pada bulan Jun 1983. Perancangan peringkat kedua yang terdiri dari kemudahan bilik TV dan bilik perdagangan dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Setakat ini kerja-kerja penyediaan pelan tapak sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raja. Adalah dijangkakan projek ini dapat diteruskan apabila peruntukan kewangan sebenar dapat diperolehi oleh Kementerian Pelajaran.

Mengikut perancangan kita hanya dua (2) blok sahaja yang telah dirancang dan satu blok telahpun dilaksanakan.

**BANK KERJASAMA
RAKYAT MALAYSIA BERHAD—
PEMBINAAN CAWANGAN
DI SABAH**

15. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan Cawangan Bank Rakyat ini ke seluruh negara khususnya di Sabah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad telah ditubuhkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 (Cooperative Societies Ordinance 1948) yang berkuatkuasa di seluruh Semenanjung Malaysia dan setakat 31hb Disember, 1982 Bank Rakyat telah memperolehi keuntungan berjumlah \$32 juta sebelum diaudit. Keuntungan ini diperolehi sebanyak \$10 juta melalui urusan-urusan banking dan \$20 juta melalui sumber-sumber lain termasuk pelaburan. Walaupun Bank Rakyat mendapat keuntungan tetapi oleh kerana segala undang-undang dan peraturan Syarikat berkenaan dengan Bank Rakyat adalah terhad kepada Semenanjung sahaja dan tidak ke Malaysia Timor iaitu Sabah dan Sarawak maka ini bermakna bahawa Bank Rakyat tidak mempunyai kuasa untuk menubuhkan Cawangannya di Sabah atau Sarawak sekiranya Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 dan Akta penubuhan Bank ini tidak dipinda.

**LEBUHRAYA DI MALAYSIA—
PEMBINAAN**

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada

beliau sedar bahawa di antara sebab utama memudahkan pencerobohan Russia ke atas Afghanistan ialah Lebuhraya yang dibina sendiri oleh Russia dan adakah dalam pembinaan Lebuhraya-lebuhraya yang bersempadan dengan negara lain.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa bin Hitam): Lebuhraya-lebuhraya di Malaysia adalah dibina oleh Kerajaan kita sendiri. Sebagai contohnya ialah Lebuhraya Timur-Barat yang dibina di antara Grik dan Jeli bagi menghubungi negeri-negeri di Pantai Timur dengan negeri-negeri di utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia, khususnya.

Di samping itu, hampir semua negara-negara jiran kita adalah anggota ASEAN. Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan dalam mana lebuhraya-lebuhraya di negara kita boleh diguna oleh mana-mana negara asing bagi maksud pencerobohan.

**TARIF PENGGUNA
DI SEKTOR INDUSTRI**

17. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar akan kadar tenaga untuk pengguna dari sektor-sektor industri di Malaysia adalah tertinggi sekali di rantau ini dan dua kali lebih tinggi kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Eropah. Dengan begitu, adakah pihak Kementerian bercadang mengarahkan Lembaga Letrik Negara menyemak semula dan mengurangkan kadar bayaran tenaga elektrik bagi pengguna-pengguna dari sektor-sektor industri supaya dapat membantu meningkatkan daya saingan mereka dalam barangan buatan Malaysia.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tenaga atau tarif untuk pengguna di sektor industri di negara

ini tidaklah merupakan yang tertinggi sekali di rantau ini. Ini dapat dilihat

dari perbandingan yang dibuat di bawah ini:

<i>Negara</i>	<i>Harga Purata Bagi Tarif Industri Voltan Rendah</i>	<i>Harga Purata Bagi Tarif Industri Voltan Tinggi</i>
1. Malaysia	23 sen seunit	22.6—19.4 sen seunit
2. Singapura (PUB)	24.6—21.5 sen seunit	26.5—17.7 sen seunit
3. Thailand (MEA)	19.7—24.4 sen seunit	19.3—17.1 sen seunit
4. Indonesia (PLN)	31.1—26.4 sen seunit	26.4—21.2 sen seunit
5. Filipina (MERALCO)	24.0 sen seunit	23.9—22.7 sen seunit

Di samping itu juga Kerajaan sememangnya telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan lagi pertumbuhan industri-industri di negara ini antaranya ialah:

- (a) Memberi pengecualian pada pembayaran maksima sebanyak \$12.00 sekilowatt, bagi industri-industri yang menggunakan tenaga elektrik di masa "off-peak" iaitu mulai dari pukul 7.00 malam hingga 7.00 pagi.
- (b) Industri-industri yang menggunakan tenaga elektrik melebihi 25% daripada kos pengeluarannya dan juga 60% dari pengeluarannya untuk jualan tempatan, adalah diberikan potongan (discount) sebanyak 20% daripada jumlah bil elektrik bulanan yang dikenakan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, LLN telah memperkenalkan tambahan kadar-kadar potongannya kepada industri-industri dengan cara potongan harga misalnya bagi industri-industri yang mendapatkan bekalan tenaga

dari 275 kV, mereka diberi potongan sebanyak 5%, jika bekalan diambil daripada 132 kV diberi 4% dan 33 kV diberi 2%.

KOMPLEK PANGGUNG NEGARA—PEMBINAAN

18. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan bilakah Komplek Panggung Negara akan dibina sungguhpun projek ini telah dicadang dibina pada tahun 1971 dengan harga \$10 juta dan sekarang dianggar akan menelan belanja sebanyak \$86 juta dan sebab-sebab projek ini diketepikan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Penangguhan pembinaan Panggung Negara yang dirancangkan sejak tahun 1971 iaitu adalah disebabkan oleh keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi yang dialami sepanjang tahun-tahun 70an. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan berikhtiar agar kerja-kerja pembinaan Panggung tersebut dapat dimulakan

seberapa segera yang mungkin. Satu lagi sebab penanguhan pembinaan itu adalah kerana kerja-kerja pemindaan pelan untuk panggung itu.

LADA HITAM— DUTI EKSPORT

19. Tuan Richard Damping anak Laki minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menghapuskan duti eksport ke atas lada hitam di negara ini terutama dari Sarawak, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Perkara ini sedang dikaji dan satu keputusan akan dibuat sebaik sahaja kerja itu selesai nanti.

DASAR EKONOMI BARU— MATLAMAT

20. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi semenjak 1981 tidak mencapai 50%, walhal angka yang patut di capai ialah 7.8% setahun. Jika ya, nyatakan bagaimana dan memandangkan keadaan ekonomi sekarang, bolehkah kek ekonomi di perembangkan.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) telah dibentuk untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Bagi mencapai matlamat-matlamat ini RRJP telah menggunakan andaian bahawa kadar pertumbuhan negara adalah sebanyak 7.8% setahun. Setakat ini dekad pertama DEB iaitu 1970-80, telahpun berlalu dan kemajuan yang dicapai menggalakkan. Kadar pertumbuhan ekonomi dalam tempoh ini adalah sebanyak 7.6% setahun.

Selepas tahun 1980, ekonomi negara telah mengalami kemelesetan akibat faktor-faktor di luar kuasa kita. Kadar pertumbuhan negara setakat ini adalah sebanyak 5% setahun sahaja. Kejatuhan harga-harga barangan eksport seperti getah, kelapa sawit dan petroleum telah menjejaskan ekonomi negara.

Selepas tahun 1983, sungguhpun kadar pertumbuhan ekonomi dijangka bertambah baik berbanding dengan kadar pertumbuhan dalam tahun-tahun 1981-83, adalah jelas bahawa kadar ini jauh lebih rendah dari matlamat sebanyak 7.8% setahun itu. Beberapa implikasi ke atas DEB akan timbul oleh kerana kurang pencapaian matlamat jangka panjang kadar pertumbuhan ini. Jelas akan terdapat beberapa masalah dan isu dalam pelaksanaan DEB. Dalam hal ini, Kerajaan sedang giat meneliti dan mengkaji strategi-strategi, konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan baru dalam pelaksanaan DEB supaya sesuai dengan keadaan ekonomi negara dan ini akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

KLINIK DESA DI NANGA KUMPANG, ENKILILI, SARAWAK—PEMBI- NAAN

21. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian bercadang hendak membina sebuah Klinik Desa di Nanga Kumpang, Engkilili, Bahagian Kedua, Sarawak memandangkan ramainya penduduk di sekitar kawasan tersebut dan pusat perubatan yang terdekat adalah sangat jauh.

Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian): Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membina sebuah Klinik Desa di Nanga Kumpang dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat.

Sebuah Klinik Desa telahpun ada di sebuah pekan yang berhampiran dengan Nanga Kumpang iaitu di pekan Engkilili. Selain dari itu Nanga Kumpang juga dilawati oleh Klinik Bergerak daripada Engkilili.

PENHIJRAHAN BELAI-BELIA MALAYSIA KE SINGAPURA

22. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan penghijrahan belia-belia Malaysia ke Negara Singapura.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian ini tidak mempunyai kuasa dan tidak bertujuan untuk menyekat penghijrahan belia-belia Malaysia ke Singapura.

KONSEP PANDANG KE TIMUR

23. Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa konsep pandang ke timur yang telah mendapat sanjungan rakyat dari berbagai keturunan telah membimbangkan sebilangan kecil aktiviti Islam konon-kononnya dasar ini menurut faham mereka yang sempit bertujuan memindahkan dari konsep skular barat kepada konsep skular timur dengan meletakkan Islam dipersimpangan jalan kononnya secara berterusan menjadi kabur. Apakah sikap Kerajaan dalam menghadapi masalah-masalah yang dikelirukan seumpama ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Pihak Kerajaan sedar tentang adanya golongan yang mempunyai pandangan sempit terhadap Konsep Pandang ke Timur yang dilancarkan oleh Kerajaan. Sikap

dan pandangan golongan ini adalah bertujuan untuk mengelirukan orang ramai dengan alasan-alasan yang sempit.

Dasar Pandang ke Timur merupakan satu usaha Kerajaan untuk mengambil pelajaran dari negara-negara Timur yang pesat maju sebagai contoh dan tauladan dalam usaha membangunkan Malaysia. Perkara-perkara yang harus ditumpukan ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, memberi keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan terhadap daya pengeluaran (productivity) dan mutu kerja yang tinggi (quality), peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja, sistem pengurusan yang menitik beratkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek, dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita. Pandang ke Timur tidak bermakna meminta-minta dari orang Timur, atau memindah tanggungjawab terhadap kemajuan Malaysia kepada negara-negara Timur. Tanggungjawab terhadap negara kita adalah tanggungjawab kita dan bukan sesiapa yang lain. Juga Pandang ke Timur tidak bermakna membeli semua barang atau memberi semua kontrak kepada syarikat-syarikat negara Timur melainkan tawaran mereka adalah terbaik.

Kerajaan sangat kesal dan dukacita terhadap sikap sebahagian kecil masyarakat kita yang berpandangan sempit dan menggunakan Islam untuk dijadikan hujah menentanginya, khususnya pada saat-saat Kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan masyarakat Islam selaras dengan kemajuan dan cabaran yang ada pada waktu ini.

Usaha yang dijalankan lebih menguntungkan Islam dari merugikannya.

PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

24. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Buruh menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, dan adakah Kerajaan berhasrat hendak menyekat atau tidak menggalakkan pengaliran pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura di masa akan datang; serta apakah langkah-langkah yang hendak diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan pekerja-pekerja Malaysia yang telah bekerja di Singapura supaya kembali bekerja di negara ini, supaya mereka dapat menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Adalah tidak menjadi dasar Kerajaan untuk menyekat pekerja-pekerja Malaysia dari keluar bekerja di negara-negara lain. Oleh itu, tidak ada satu agensi khas yang ditugaskan untuk mengawal pekerja-pekerja tempatan yang keluar bekerja sama ada di Singapura atau negara-negara lain. Walau bagaimanapun, Kementerian saya ada menjalankan satu kajian secara kasar yang mana dapat memberi satu gambaran mengenai jumlah pekerja-pekerja Malaysia di Singapura. Dari kajian itu, adalah dianggarkan bahawa di antara 100,000 hingga 120,000 orang pekerja kita bekerja di Singapura.

Buat masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat penghijrahan pekerja-pekerja Malaysia dari keluar bekerja di Singapura. Penghijrahan seumpama ini adalah sementara sahaja. Faktor utama yang menyebabkannya ialah pendapatan yang lebih lumayan. Terdapat ramai pekerja-pekerja kembali ke tanah air selepas sesuatu

tempoh apabila mereka telah memperoleh pengalaman dan kemahiran yang lebih di bidang masing-masing dan dengan itu berjaya mendapat pekerjaan dengan gaji yang lebih lumayan di tanah air sendiri.

Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan untuk menasihatkan majikan-majikan di tanah air supaya menambahkan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja mereka serta memberi lain-lain kemudahan supaya parasnya menjadi sama tinggi atau sekurang-kurangnya hampir sama dengan yang terdapat di Singapura. Langkah ini dijangka akan dapat menarik pekerja-pekerja kita untuk pulang bekerja di tanah air sendiri. Di samping itu kita juga sedang menuju ke arah era industri-industri berat dan teknologi tinggi, seperti industri kereta dan industri alat persis (precision-instruments). Perkembangan-perkembangan ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi. Kerajaan yakin bahawa kemajuan yang dicapai ini dengan sendirinya akan melahirkan keinginan di kalangan pekerja-pekerja kita di luar negeri termasuk Singapura untuk kembali ke tanah air.

KONSEP KUMPULAN MENINGKAT MUTU KERJA (QUALITY CONTROL CIRCLES)

25. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana berjayanya konsep meningkat mutu kerja (Quality Control Circles) yang digunakan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan khasnya berhubung dengan hasil kerja oleh kakitangan Kerajaan dalam kualiti dan kuantiti.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Konsep-konsep kumpulan meningkat mutu kerja (Quality Control Circles) merupakan satu cara penglibatan pekerja dalam mencari

jalan bagi memperbaiki mutu dan hasil kerja mereka sendiri. Ia sudah digunakan dan sangat berjaya di negeri Jepun. Pelaksanaan konsep ini masih diperingkat awal di Malaysia iaitu diperingkat memperkenalkan konsep itu dan mengajarkan cara-cara bagi mengesan dan menganalisa masalah serta membincangkan cara-cara bagi mencari penyelesaian. Pihak INTAN telahpun mengadakan kursus bagi fasilitator System QCC ini. Oleh itu hasil belum begitu ketara tetapi di tempat-tempat yang sudah mencubanya pekerja-pekerja semakin bersemangat dan berdedikasi terhadap kerja mereka.

INTERNAL SECURITY ACT— MEMBATALKAN

26. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan adakah cadangan untuk membatalkan "Internal Security Act", dengan sebab syarat-syarat dalam Akta itu tidak mengharumkan nama negara kita dalam kalangan masyarakat antarabangsa.

Dato' Musa bin Hitam: Kerajaan telah berkali-kali menegaskan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan/memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sukalah juga saya menegaskan sekali lagi bahawa peruntukan yang terdapat di dalam Akta tersebut adalah dibuat dengan teliti melalui proses amalan demokrasi di negara ini. Peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta ini telah dapat membantu dan memperkemas masalah lain-lain undang-undang yang ada sekarang bagi memelihara keselamatan negara ini.

Setakat ini, pelaksanaan Akta tersebut sama-sekali tidak menyusahkan rakyat yang patuh dan cinta kepada keamanan negara. Oleh itu, Akta ini perlulah dikenalkan dan

ianya akan dimansuhkan hanya apabila ancaman dari pihak komunis dan golongan yang ingin mengambil alih kuasa dengan cara tidak berpelembagaan dan kekerasan bersenjata dan yang bercita-cita memporak-perandakan keselamatan negara, tidak wujud lagi.

PEGUAM ASING MELAWAT MALAYSIA

27. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan tiada menerima cadangan-cadangan terkandung dalam laporan rasmi kumpulan tujuh orang peguam antarabangsa yang melawat negara kita dalam bulan Ogos tahun lepas.

Dato' Musa bin Hitam: Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sukalah saya nyatakan bahawa Kerajaan memang ada menerima laporan yang disediakan oleh rombongan 7 orang peguam asing yang melawat negara ini tahun lalu.

Setelah kajian yang teliti dibuat terhadap laporan ini adalah didapati bahawa pandangan-pandangan dari kumpulan yang mengakui diri mereka bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak itu adalah merupakan pandangan-pandangan yang hampir sama dengan apa yang pernah dilaung-laungkan oleh pihak parti pembangkang di masa-masa yang lalu. Apa yang berbeza pada kali ini ialah bahawa orang-orang luar telah diperalat untuk menimbulkan perkara-perkara ini bagi memperolehi kredibiliti yang lebih memandangkan usaha-usaha pembangkang dalam masalah ini di masa-masa yang lepas telah tidak dapat diterima oleh rakyat yang cintakan keamanan dan keselamatan negara.

Selain dari itu laporan ini juga mengandungi banyak tuduhan-tuduhan yang melulu tanpa sebarang bukti-bukti yang nyata.

Laporan yang berat sebelah ini juga lebih merupakan laporan yang disediakan oleh satu golongan yang hanya ingin membela mereka yang ditahan kerana penglibatan mereka dalam kegiatan yang mengancam keselamatan negara dan tidak langsung menyebut pandangan atau kenyataan yang dibuat oleh mangsa-mangsa keganasan komunis yang juga telah ditemui oleh mereka.

KELAS TINGKATAN ENAM RENDAH

28. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah murid yang diberi peluang memasuki Tingkatan Enam Rendah; dan
- (b) kenapa tidak diperbanyakkan kelas-kelas Tingkatan Enam Rendah di Sarawak mengikut bertambahnya jumlah murid.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Dalam tahun 1983 seramai 2151 orang murid telah diberi peluang memasuki Tingkatan Enam Rendah di Sarawak.
- (b) Sebenarnya kelas-kelas Tingkatan Enam Rendah telah ditambah dari semasa ke semasa seperti ditunjukkan oleh angka-angka berikut:

Tahun	Bilangan Kelas	Tambah Kelas
1982 ..	40	6
1983 ..	46	6

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (KBSR)— PERLAKSANAAN

29. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kelas darjah satu, murid-murid dan guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan

KBSR di sekolah-sekolah rendah kebangsaan, SRJK (C) dan SRJK (T) pada tahun ini. Adakah beliau sedar bahawa kebanyakan guru-guru yang terlibat dibeban terlampau berat dengan kerja-kerja persediaan bahan-bahan mengajar, pengurusan bilik darjah dan penilaian murid-murid. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Bahagian pertama soalan mengenai bilangan kelas, murid dan guru-guru yang terlibat dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telahpun dijawab pada 21-3-1983 yang lalu. Kementerian Pelajaran memang sedar masalah beban kerja yang ditanggung oleh guru-guru dalam melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) Pihak Kementerian menyediakan lembaran-lembaran kerja bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang dahulunya perlu disiapkan oleh guru-guru dan dengan demikian meringankan beban kerja guru-guru.
- (ii) Nisbah guru bagi kelas-kelas Kurikulum Baru Sekolah Rendah adalah 1.5; berbanding dengan nisbah lama 1.2. Kenaikan nisbah ini dapat mengurangkan tanggungan waktu mengajar seseorang guru daripada purata sebanyak 1,200 minit seminggu menjadi di antara 1,000—1,100 minit seminggu.
- (iii) Kementerian Pelajaran menyediakan Buku Panduan Penilaian Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), yang mana guru-guru akan dapat menjalankan penilaian

terhadap murid-murid mereka dengan lebih teratur, seragam, dan ini menjimatkan masa dan tenaga guru-guru.

SYARIKAT BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE (BMF)

30. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kerugian yang dialami oleh Bumiputera Malaysia Finance (BMF), sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Bank Bumiputera, atas pinjaman-pinjaman yang bersifat kontraversial yang diberi kepada syarikat-syarikat di Hong Kong; dan
- (b) hasil siasatan yang dijalankan ke dalam pinjaman-pinjaman yang dinyatakan di atas serta juga dakwaan mengenai urusanniaga yang buruk yakni "shady dealing" yang melibatkan pegawai-pegawai BMF seperti dilaporkan dalam akhbar.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya telahpun menjawab soalan ini ketika memberi jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan Kota Melaka pada 25hb Julai, 1983.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)— CANTUMAN

31. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) setakat manakah kejayaan yang dicapai dalam tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam soal memusatkan sekolah-sekolah Tamil yang kecil, sebagai sebuah (Group School),

(b) berapakah banyaknya sekolah Tamil (group school) setakat ini telah diwujudkan di seluruh tanahair kita;

(c) berapakah banyaknya SRJK (Tamil) yang akan siap dibina dalam Akhir Rancangan Malaysia Keempat.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Satu kajian mengenai lokasi sebenar taburan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) telahpun disediakan. Bagi pelaksanaan sekolah bercantum Kementerian Pelajaran masih menunggu cadangan dari beberapa pihak yang berkenaan untuk menentukan sekolah-sekolah yang hendak dicantumkan.
- (b) Setakat ini sebanyak 230 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang telah dicantumkan kepada 110 buah sekolah cantuman.
- (c) Mengikut Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Pelajaran telah mengambil perhatian sejumlah 95 buah projek untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bantuan penuh milik Kerajaan dijangka dilaksanakan. Dari jumlah ini, 20 buah projek sudah pun siap dibina, 12 buah projek dalam pembinaan sementara 63 buah lagi masih dalam peringkat awal pelaksanaan bergantung kepada penerimaan peruntukan sebenar bagi meneruskan projek tersebut. Bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bantuan penuh bukan milik Kerajaan, sejumlah 256 buah projek telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat.

**BIASISWA DAN PINJAMAN
KEPADA PELAJAR-PELAJAR
UNIVERSITI TEMPATAN/LUAR-
NEGERI**

32. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan pelajar mengikut kaum yang telah diberi biasiswa dan pinjaman wang untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam peringkat diploma atau ijazah di Universiti-universiti tempatan atau di luar negeri sejak tahun 1973 hingga sekarang; dan
- (b) bilangan pelajar yang gagal membayar balik wang pinjaman belajar termasuk jumlah wang terlibat dan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap mereka.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Bilangan pelajar-pelajar mengikut semua kaum yang telah diberi biasiswa oleh Kementerian Pelajaran untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam peringkat diploma atau ijazah di universiti-universiti tempatan dan luar negeri yang dapat diberi sejak tahun 1979 hingga sekarang ialah seramai 3643 orang iaitu terdiri dari 3181 orang Bumiputera, 373 orang Cina, dan 89 orang India.
- (b) Mengenai pembayaran balik wang pinjaman belajar buat setakat ini masih belum lagi kerana pelajar-pelajar yang mendapat pinjaman masih lagi belum menamatkan pelajaran mereka.

**KONSEP PERSYARIKATAN
MALAYSIA**

33. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan bidang-bidang yang kini menjadi

tanggungjawab Kerajaan yang akan dipindah dan diserahkan kepada sektor swasta di bawah Konsep Persyarikatan Malaysia.

Perdana Menteri: Pada menjawab Soalan No. 11 daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang semalam (26-7-83), saya telah pun menerangkan dengan jelas tentang pengertian konsep Persyarikatan Malaysia serta matlamat dan rasionalnya.

Privatisation pula adalah konsep yang mempunyai pengertian yang berbeza dengan Persyarikatan Malaysia. Privatisation bermakna penyerahan tugas-tugas Kerajaan untuk dijalankan atau diusahakan oleh pihak swasta jika difikirkan cara itu lebih menguntungkan kedua-dua pihak.

Pada masa ini Kerajaan masih lagi sedang mengkaji bidang-bidang yang difikirkan perlu diswastakan.

**SEKTOR AWAM—
MENSWASTAKAN**

34. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan beberapa sektor awam. Kalau ya, nyatakan sektor awam-sektor awam yang dicadangkan itu.

Perdana Menteri: Kerajaan memang bercadang untuk menswastakan beberapa bidang tugas sektor awam. Usaha ini masih dalam peringkat kajian.

**PROJEK PERINDUSTRIAN
BERAT HICOM**

35. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah HICOM telah berjaya dalam berbagai projek perindustrian beratnya dan sama ada Malaysia berkemampuan sepenuhnya untuk memasuki era industri berat.

Perdana Menteri: Dari segi tahap perkembangan perindustrian di negara ini, Malaysia telah sampai kepada satu peringkat di mana projek-projek industri berat adalah perlu dibangunkan untuk memperkukuhkan lagi asas pembangunan perindustrian untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara perindustrian. Industri berat memberi faedah berikut:

- (a) menentukan bekalan yang terjamin untuk barang-barang separuh siap dan alat-alat jentera yang diperlukan oleh industri dalam negara kita;
- (b) menggalakkan pertumbuhan industri-industri sampingan seperti perusahaan komponen dalam projek kereta nasional; dan
- (c) membantu menyerap dan membangunkan teknologi tinggi.

Penubuhan industri berat bukan sahaja perlu malah projek-projek itu mempunyai daya kemajuan. Projek-projek industri berat adalah dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan. Projek yang diluluskan untuk dilaksanakan dijangka memberi faedah maksima kepada negara dan kita hanya melaksanakan Projek-projek industri berat di mana kita mempunyai kemampuan untuk pelaksanaan dengan jayanya.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, HICOM adalah sebuah syarikat yang baharu sahaja ditubuhkan iaitu pada akhir tahun 1980 dan mula menjalankan tugas-tugasnya pada tahun 1981. Dalam bidang perusahaan berat tiap-tiap satu projek itu mengambil masa sekurang-kurangnya tiga atau empat tahun untuk menyiapkan tapak dan membina kilang untuknya. Setakat pertengahan tahun ini, HICOM sedang melaksanakan 3 projek besar itu:

- (1) Projek Kilang Simen di Pulau Langkawi;

- (2) Projek Besi Berongga/Billet Keluli di Terengganu;
- (3) Projek Kereta Nasional.

Ketiga projek itu adalah dalam peringkat pembinaan. Kemajuan pelaksanaan projek itu adalah mengikut jadual. Projek Kilang Simen yang dijangka memulakan pengeluaran dalam bulan September 1984, pada masa ini telah mencapai kemajuan kerja dua bulan lebih awal dari jadual. Pengeluaran Besi/Berongga/Billet Keluli telah dijadualkan pada bulan April tahun 1985, dan pengeluaran Kereta Nasional pada pertengahan tahun 1985.

Sementara itu 5 projek lagi telah dikaji dan adalah dalam peringkat awal pelaksanaan. Projek tersebut adalah:

- (a) Projek Injin Kecil;
- (b) Kilang Aluminium Die-Casting;
- (c) Kilang Palpa dan Kortas;
- (d) Komplek Kejuruteraan;
- (e) Projek Cold Roll.

FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI MALAYA— KELULUSAN PELAJAR BUMIPUTERA

36. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa kadar kegagalan pelajar-pelajar Bumiputera dalam fakulti kejuruteraan di Universiti Malaya adalah terlalu tinggi, sama ada terdapat apa-apa asas dalam tuduhan bahawa kakitangan fakulti tersebut bersikap bias terhadap pelajar-pelajar Bumiputera serta menentang Dasar Ekonomi Baru yang menyebabkan kadar kegagalan yang begitu tinggi di kalangan pelajar-pelajar kejuruteraan Bumiputera, dan langkah-langkah yang sedang diambil memastikan terdapat kadar kelulusan yang lebih tinggi.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bilangan kemasukan pelajar Bumiputera ke Fakulti Kejuruteraan telah bertambah baik sejak tahun 1971 apabila kursus pra-kejuruteraan diperkenalkan yang kemudiannya diganti oleh kursus asasi sains dalam tahun 1977. Oleh kerana bilangan kemasukan bertambah maka angka bilangan kegagalan juga kelihatan bertambah, tetapi jika diambil kira peratusan kelulusan dibandingkan dengan tahun-tahun lalu kegagalan ini adalah berkurangan.

Mengenai apa yang dikatakan tuduhan oleh Yang Berhormat bahawa kakitangan fakulti tersebut bersikap bias terhadap pelajar-pelajar Bumiputera serta menentang Dasar Ekonomi Baru yang menyebabkan kegagalan pelajar-pelajar Bumiputera, sukacita saya menyatakan mengikut maklumat pihak pentadbiran Universiti Malaya sendiri mereka telah membuat penelitian mengenai perkara ini. Kementerian difahamkan pihak universiti berpuas hati bahawa tidak ada masalah sikap bias dalam fakulti kejuruteraan Universiti Malaya. Sukacita dimaklumkan juga pihak universiti sendiri menyedari kadar kelulusan pelajar-pelajar Bumiputera dalam fakulti itu perlu ditingkatkan. Dalam hal ini pihak Senat Universiti telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji kedudukan masalah-masalah di Fakulti Kejuruteraan seperti yang disebutkan.

BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN—PERSEMPADANAN- BARU

37. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah garis-garis panduan untuk persempadanan baru bahagian pilihanraya Parlimen; dan

- (b) sama ada persempadanan baru itu telah siap dan bilakah ianya akan diumumkan.

Perdana Menteri:

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat garis-garis panduan bagi menjalankan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri ada diberikan dengan jelas di dalam Bahagian I dan II Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Persempadanan baru kawasan pilihanraya belum lagi siap. Ianya akan diumumkan apabila Suruhanjaya Pilihanraya mengemukakan kepada Kerajaan

KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA

38. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan iaitu untuk faedah orang ramai yang setengah-tengahnya masih keliru dengan Konsep Persyarikatan Malaysia dan sebagainya, adakah beliau bercadang hendak memberi penjelasan tentang takrif dan tujuan yang sebenar ketiga-tiga konsep yang berikut:

- (i) Konsep Pandang ke Timur;
(ii) Konsep Persyarikatan Malaysia; dan
(iii) Konsep "privatisation".

Perdana Menteri: Sebenarnya saya telah pun memberi penerangan yang jelas mengenai ketiga-tiga konsep yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu melalui media massa seperti TV dan akhbar-akhbar dan kepada Anggota Pentadbiran serta pegawai-pegawai Kerajaan melalui surat-surat arahan, pekeliling dan sebagainya. Memanglah dalam tempoh permulaan konsep-konsep ini

diperkenalkan ramai orang yang kurang jelas dan terkeliru. Tetapi saya rasa orang ramai telah mulai faham dengan lebih jelas tentang pengertian dan tujuan konsep-konsep tersebut.

**PENGAJARAN "CATECHISM"
DI SEKOLAH-SEKOLAH
DI SABAH**

39. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Jabatan Pelajaran Sabah telah mengarahkan supaya "catechism" tidak boleh lagi diajar di sekolah-sekolah di Sabah, jika ya, sebab-sebab arahan ini dikeluarkan dan sama ada beliau sedar perbuatan ini telah menimbulkan gelisah dan marah di kalangan ibubapa-ibubapa yang mana sebahagian yang agak besar penduduk-penduduk Sabah adalah penganut agama Kristian yang inginkan pengajaran "catechism" diteruskan di sekolah-sekolah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Jabatan Pelajaran Sabah bukanlah mengarahkan supaya "catechism" tidak boleh diajar di sekolah-sekolah di Sabah. Jabatan itu hanya mengeluarkan siaran untuk mengingatkan sekolah-sekolah supaya mematuhi peruntukan dalam Akta Pelajaran berhubung dengan pengajaran agama selain dari agama Islam.

Salah fahaman itu timbul kerana ada pihak yang mentafsirkan pengajaran "catechism" langsung tidak boleh diajar. Sebenarnya mengikut peraturan, ia boleh diajar dengan syarat:

- (1) Tidak melibatkan wang Kerajaan.
- (2) Murid-murid yang belajar itu hendaklah menganuti agama tersebut; jika tidak kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga hendaklah diperolehi.
- (3) Pengajaran itu dijalankan di luar jadual waktu harian.

- (4) Mendapatkan kelulusan dari Pendaftar Sekolah-sekolah.

**KELAS BAHASA IBUNDA (POL)—
PERUNTUKAN**

40. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar peruntukan untuk kelas bahasa ibunda (POL) telah dikurangkan dari \$18 juta kepada \$5 juta kerana sebahagian peruntukan untuk bayaran elaun guru-guru POL telah dimasukkan ke dalam akaun kelas-kelas biasa. Berapakah peratus kelas bahasa ibunda (POL) yang telah diserap ke dalam kelas-kelas kurikulum biasa. Berapakah bilangan guru-guru bahasa yang telah diterima untuk mengajar kelas-kelas bahasa ini dari Januari 1982 hingga Jun 1983.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Jawapan kepada soalan ini dengan izin Tuan Yang Dipertua adalah sama seperti jawapan yang telah dibuat pada 26-7-1983 di Dewan Yang Mulia ini.

**SRJK (C) KAMPUNG
PERMATANG TINGGI,
SEBERANG PERAI TENGAH—
PEMBINAAN**

41. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pihak JKR telah menawar tender kepada seorang kontraktor untuk membina semula SRJK (C) di Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah, dan apakah sebab-sebab munasabah setakat ini kerja pembinaan sekolah masih belum dimulakan dan bila sekolah ini akan dibina semula.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Projek membina semula Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah salah satu daripada sejumlah 243 buah sekolah yang telah pun

ditender tetapi pembinaannya terpaksa ditunda kerana tiada peruntukan. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran akan memastikan bahawa pembinaan semula sekolah ini akan diteruskan sebaik sahaja peruntukan diperolehi bagi meneruskan projek ini.

PELABUHAN KUANTAN— PERBELANJAAN PEMBAIKAN

42. Tuan Chan Kok Kik minta Menteri Pengangkutan menyatakan amau wang yang dibelanjakan setakat ini untuk membuat kerja-kerja pembaikan (repair work) untuk Pelabuhan Kuantan, tarikh pelabuhan tersebut dijangka dapat beroperasi dengan sepenuhnya dan apakah tindakan undang-undang telahpun diambil terhadap kontrektor asal pelabuhan tersebut untuk menuntut ganti rugi daripadanya kerana melakukan kerja-kerja yang buruk dan tidak sempurna.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Jumlah wang yang dibelanjakan setakat ini untuk kerja-kerja pembinaan semula Pelabuhan Kuantan adalah sebanyak \$123.7 juta. Pelabuhan Kuantan dijangka akan dapat bermula operasi sepenuhnya pada awal, 1984. Berhubung dengan soal tindakan undang-undang untuk menuntut ganti rugi daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap kerosakan yang berlaku di pelabuhan itu, perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan dan tindakan sewajarnya akan diambil jika didapati perlu.

RANCANGAN PERUMAHAN— KAJIAN SEMULA

43. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada sebarang rancangan-ancangan meninjau semula matlamat perumahan 923,000 itu di Rancangan Malaysia Keempat kerana antara 1981

dan hujung tahun 1982 hanya kira-kira 16.9 peratus Rancangan itu telah dicapai dan jika tidak bagaimana Menteriannya ingin memenuhi "shortfall" ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula sasaran perumahan Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 923,000 unit itu. Sungguhpun bilangan unit yang siap pada hujung bulan Disember 1982 ialah 156,410 unit atau lebih kurang 17% daripada sasaran Rancangan Malaysia Keempat, tetapi bilangan unit ini adalah lebih baik daripada pencapaian pada tahun kedua tempoh Rancangan Malaysia Ketiga iaitu 150,997 unit. Saya menganggap pencapaian pada hujung tahun 1982 itu sebagai menggalakkan kerana ianya berlaku dalam keadaan kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara kita masa ini.

Bagi Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah pula, pencapaiannya adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pencapaian yang dicapai oleh sektor swasta. Setakat 31hb Mac, 1983, sebanyak 33,502 unit (19.5%) telah dapat disiapkan, 24,282 unit (14.9%) lagi berada dalam peringkat binaan bangunan dan dijangka siap dalam tahun tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini. Sebanyak 88,243 unit lagi berada dalam peringkat awal pelaksanaan dan jangkauan juga dibuat beberapa buah projek juga akan dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini kerana ianya sekarang berada dalam peringkat pemanggilan tender. Sebanyak 16,362 unit (10.8%) belum bermula.

Sungguhpun ini bermakna matlamat program perumahan di bawah Rancangan Malaysia tidak tercapai sepenuhnya, tetapi pencapaian dari segi peratus adalah dijangka menggalakkan, memandangkan bahawa negara kita sedang mengalami

kesan-kesan kemerosotan ekonomi. Kedudukan ini dapat dipertahankan dengan beberapa tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan umpamanya:

- (a) menggalakkan pemaju swasta membina lebih rumah kos sederhana selaras dengan kemampuan sebahagian besar bakal pembeli rumah,
- (b) mengadakan skim pinjaman khas melalui bank-bank dan institusi-institusi kewangan bagi rumah yang berharga tidak lebih daripada \$100,000.00,
- (c) membenarkan sebahagian daripada projek rumah awam kos rendah dilaksanakan secara "turnkey" untuk mempercepat pembinaannya.
- (d) menggalakkan pelaksanaan projek rumah awam kos rendah yang besar khasnya dan projek perumahan lain amnya, dengan menggunakan sistem binaan "industrialised" atau dengan menggunakan bahan binaan pasang siap untuk mempercepat pembinaan dan
- (e) menggalakkan Kerajaan Negeri berunding dengan pemaju swasta untuk pelaksanaan projek rumah awam kos rendah dengan pembiayaan kos projek melalui pinjaman dengan bank perdagangan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PESURUHJAYA TANAH PERSE- KUTUAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA (PINDAAN)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Julai, 1983)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh, silakan.

3.36 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin sedikit masa lagi untuk menyambung ucapan saya dan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Taman Negara 1980.

Semalam saya telah menggariskan beberapa kepentingan di mana perlunya kerjasama yang erat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam memelihara keaslian alam semula jadi sesebuah Taman Negara itu. Kerjasama tersebut bukan hanya penting setakat pengawasan pentadbiran secara keseluruhan malah ianya juga penting di dalam aspek-aspek rancangan yang teliti dan teratur sebelum sesuatu pembukaan tanah untuk tujuan-tujuan pertanian itu dilakukan di mana binatang-binatang liar selaku penghuni-penghuni asli hutan rimba perlu diambil kira tentang keselamatan dan kesejahteraan agar binatang-binatang liar tersebut tidak berkeliaran memusnahkan tanaman dan mengancam mata pencarian orang-orang kampung di samping kemungkinan-kemungkinan akan pupus oleh kegiatan-kegiatan memburu.

Tuan Yang Dipertua, mengenai gajah yang sejumlah lebih kurang 7 atau 8 ekor seperti yang telah saya sebutkan semalam mengancam tanaman dan juga peneroka di satu rancangan tanah FELDA Tenggaroh tidaklah dapat saya menentukan gajah yang macam mana yang handsome dan gajah yang macam mana yang cantik, kerana saya bimbang dan saya takut tersalah tafsir mengenai perkara tersebut. Maklumlah beberapa peristiwa telah berlaku di dalam rancangan tanah tersebut di mana ada di antara peneroka-peneroka yang cuba mencaci dan mencela tentang keganasan gajah-gajah yang merosakkan tanaman-tanaman di kawasan rancangan tanah FELDA itu dan pada satu malam kawasan berhampiran dengan rumah peneroka tersebut di tangan oleh sekumpulan gajah berkenaan dan hampir-hampir meruntuhkan rumah peneroka tersebut. Juga beberapa peristiwa lain telahpun berlaku di sepanjang jalan di antara Kota Tinggi ke Mersing di mana ada di antara pengguna-pengguna jalanraya tersebut cuba bercakap bongkak dan sombong terhadap gajah dan akhirnya akibatnya gajah-gajah ini duduk di tengah-tengah jalan tatkala kenderaan orang yang mengancam gajah itu sedang melewati jalan tersebut.

Jadi sekiranya saya mengemukakan macam mana keadaan gajah yang handsome dan cantik ini, saya bimbang Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ataupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyalah-tafsirkan apa yang saya perkatakan itu, kedua-dua Yang Berhormat tersebut yang mungkin akan melawat rancangan tanah Felda Tenggaroh akan turut diancam oleh gajah-gajah.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, semalam sebenarnya saya ingin menyatakan Taman Negara di Ulu

Sungai Endau. Saya dengar-dengar satu kawasan yang luas di Ulu Sungai Endau telahpun digezetkan untuk dijadikan Taman Negara. Berkaitan dengan perkara ini kajian telah dibuat oleh pengkaji profesional di dalam kajian pembangunan kawasan Johor Timur. Kajian tersebut telah dapat mengenal pasti bahawa kawasan tersebut memang sesuai untuk dijadikan Taman Negara kerana keasliannya masih lagi belum tercemar oleh pembangunan negara yang pesat pada ketika ini. Saya akui hakikat tersebut kerana saya dapati bahawa kawasan ini ada beberapa perkampungan orang Asli yang masih kuat berpegang kepada amalan-amalan tradisional mereka, dengan keadaan alam semula jadi yang indah dan permai itu, saya yakin kawasan ini memang sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan pelancongan seperti yang dicadangkan oleh kajian projek pembangunan Johor Timur itu.

Tuan Yang Dipertua, seperti juga yang biasa saya nyatakan dan saya perkatakan bahawa Mersing terletak di Pantai Timur, di tepi pantai, tanah yang terdapat di kawasan tepi pantai itu ialah tanah yang tidak subur yang lazimnya dipanggil tanah kelas empat atau biasa juga dipanggil sebagai tanah beris. Tumbuhan-tumbuhan memang liat hendak hidup di kawasan tanah beris ini dan akibatnya penduduk-penduduk di kawasan pilihanraya saya, terutamanya yang tinggal di kawasan berhampiran dengan pantai menghadapi kesukaran dan kesulitan untuk bercucuk-tanam. Tetapi yang untungnya ialah keadaan pantai Mersing yang indah dan juga keadaan di Ulu Sungai Endau yang masih belum tercemar dengan pembangunan negara kita yang pesat pada ketika ini. Jadi untuk menjadikan kawasan Taman Negara di Ulu Sungai Endau sebagai pusat pelancongan seperti yang dicadangkan di dalam kajian Johor Timur itu, saya memberikan sokongan kuat ke atasnya dan saya

berharap agar perusahaan pelancongan yang diura-urakan akan diletakkan di kawasan Ulu Sungai Endau itu supaya dapat disegerakan bagi faedah rakyat di kawasan Tenggara ini.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja dan akhirnya sekali saya sekali lagi ingin memberikan sokongan terhadap Akta Taman Negara Pindaan 1980.

Tuan Yang Dipertua: Berapa banyak lagi hendak bercakap? Yang Berhormat dari Padang Rengas.

3.44 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang meminda Akta Taman Negara 1980 ini.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada petang semalam di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, pada umumnya saya dapati maksud Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini ialah bertujuan untuk mengemas-kinikan hubungan dan kerjasama di antara pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Ini adalah suatu langkah yang terpuji dan patut dicontohi oleh lain-lain Kementerian yang ada hubungkaitnya kuasa-kuasa Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, tujuan saya berkata demikian kerana pada masa-masa yang lalu terdapat sedikit-sebanyak kelembapan dalam proses pentadbiran yang di peringkat negeri akibat wujudnya beberapa halangan yang ada hubungan dengan perkara

undang-undang umpamanya seperti yang terdapat di dalam Fasal 2, Seksyen 3 (3) Rang Undang-undang ini. Pada masa dahulu atau masa kini di dalam pembatalan sesuatu Taman Negara atau sebahagian daripadanya maka persetujuan Menteri adalah dikehendaki dan di dalam pindaan ini hanyalah memadai dengan perundingan sahaja dengan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang Dipertua, kadangkala walaupun pihak Menteri atau Kerajaan Pusat berminat untuk mempersetujui kehendak-kehendak daripada Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi ianya di luar bidang kuasanya. Maka perkara itu tidak dapat dibereskan seperti yang terdapat di dalam Fasal 3, Seksyen 5 (1) Rang Undang-undang ini iaitu untuk menambahkan perwakilan dalam Majlis Penasihat Taman Negara atau sebahagian daripadanya.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap pihak yang berkuasa di lain-lain Kementerian patutlah mengkaji manamana undang-undang yang menjadi penghalang yang sempurna di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan-kerajaan Pusat perlulah diatasi atau diambil langkah-langkah yang positif sesuai dengan hasrat kita untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang cekap, bersih dan amanah sama ada di peringkat pusat ataupun di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh berkenaan dengan dasar Taman Negara ini, saya sokong dengan sepenuh-penuhnya saranan yang dibuat oleh beberapa orang anggota Dewan ini supaya pihak Kementerian Sains ini mengadakan hubungan dan kerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan sebagainya supaya hidupan-hidupan liar itu

terutamanya binatang gajah ini dapat ditempatkan di dalam kawasan Taman Negara yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sedar tugas ini bukanlah suatu tugas yang ringan dan ianya tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat tetapi ini amatlah perlu difikirkan dari sekarang supaya langkah-langkah yang sesuai dapat diambil untuk memberikan sebaik perlindungan kepada binatang-binatang yang kurang baik seperti gajah ini supaya tidak terus pupus di negara ini khususnya dan di dunia ini amnya.

Tuan Yang Dipertua, keganasan-keganasan gajah liar memang menjadi isu yang serius setengah-setengah kawasan atau tempat. Rakyat yang ada di kawasan-kawasan yang diganggu-gugat oleh gajah itu sentiasa berada di dalam keadaan kebimbangan dan ketakutan bukan sahaja tanaman dan harta-benda mereka akan musnah malah nyawa mereka juga akan terancam.

Tuan Yang Dipertua, kisah atau cerita rumah-rumah dimusnah oleh gajah dan orang mati dilanyak gajah di negeri ini bukanlah suatu cerita dongeng zaman dulu yang tidak dapat kita pastikan kebenarannya, tetapi cerita gajah itu adalah cerita yang benar-benar berlaku di negara kita ini. Umpamanya, beberapa tahun yang lalu kita dapat tahu beberapa buah rumah-rumah telah dimusnahkan oleh gajah di kawasan Lasah Sungai Siput, di kawasan Bengi di Lenggong dan beberapa kampung-kampung di kawasan Ulu Perak. Keadaan-keadaan yang demikian menjadikan rakyat yang terlibat di kawasan-kawasan yang diganggu-gugat oleh gajah itu berada di dalam kebimbangan dan ketakutan. Tuan Yang Dipertua, di masa inipun gajah-gajah itu masih mengganas, umpamanya, di kawasan Lasah iaitu di kampung-kampung pendalaman. Mengikut kajian yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan kumpulan

gajah itu adalah sebanyak 13 ekor. Hingga setakat ini pihak Pelindung Hidupan Liar tidak dapat berbuat apa-apa dan setiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah Kuala Kangsar, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lintang sering kali membangkitkan masalah gangguan gajah di kawasan pilihanraya beliau.

Tuan Yang Dipertua, Allah telah menjadikan kita manusia ini sebagai Khalifah di bumi Allah dan tindakan kita memberi perlindungan kepada binatang ini adalah dialu-alukan oleh orang ramai. Tuan Yang Dipertua, apa yang tidak disetujui oleh orang ramai ialah cara atau kaedah kita menjalankan dasar perlindungan itu, kerana tatkala kita memberikan perlindungan kepada hidupan liar itu, masalah keselamatan tanaman, masalah harta-benda dan nyawa setengah-setengah daripada mereka yang malang itu kurang diambil peduli atau dipandang ringan sahaja. Umpamanya, apabila laporan itu dibuat kepada pihak-pihak berkuasa hidupan liar, tindakan-tindakan yang positif tidak diambil dengan segera bagi menghilangkan kebimbangan orang ramai. Inilah yang menjadi masalah kepada kami Wakil-wakil Rakyat di kawasan luar bandar yang sering kali sukar hendak memberi jawapan yang tegas, apakah langkah-langkah yang positif yang boleh dilakukan oleh Kerajaan bagi menyelesaikan masalah kebimbangan rakyat ini. Saya katakan begitu kerana Wakil-wakil Rakyat di kawasan bandar tidak mengalami keadaan itu kerana gajah liar tidak akan masuk ke kawasan bandar, hanya gajah-gajah serkes sahaja yang akan masuk ke dalam bandar, bukan gajah-gajah liar. Walau bagaimanapun, kita berharap pandangan ini akan mendapat sokongan menyeluruh daripada Ahli-ahli Dewan ini sama ada Wakil-wakil Rakyat bandar atau Wakil Rakyat di luar bandar kerana ini adalah berkaitan dengan hakikat bahawa kita

manusia ini dijadikan Tuhan sebagai Khalifah di bumi Allah yang seharusnya mengadili dan memberikan perlindungan kepada semua pihak sama ada manusia, binatang dan lain-lain mahluk.

Tuan Yang Dipertua, apa yang saya dapat tahu bahawa gajah-gajah ini tidak boleh dibunuh atau dimusnah tetapi ianya akan ditembak dengan ubat pelali agar ia menjadi lemah dan tidak bertenaga. Kali ini difikirkan satu kaedah yang baik maka saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan perlulah memperbesarkan Unit Pasukan Penembak Ubat Pelali ini supaya mudah digerakkan di kawasan-kawasan yang memerlukan perkhidmatan dengan seberapa segera yang boleh. Dengan tindakan seperti ini dapatlah kita melegakan penderitaan batin orang ramai yang terlibat dengan gangguan gajah-gajah tersebut seperti mana yang disebutkan atau disarankan oleh beberapa orang anggota Dewan yang bercakap terlebih dahulu daripada saya.

Tuan Yang Dipertua, dalam hubungan ini kita tidak boleh menyalahkan gajah-gajah ini, kerana mereka terpaksa bertindak demikian. Kita tahu mengapa dan kenapa gajah-gajah itu terpaksa meredah kampung-kampung dan memakan serta merusakkan tanaman-tanaman atau hasil buah-buahan di kawasan kampung di pendalaman kerana kawasan-kawasan tempat tinggal mereka yang aman-damai pada suatu ketika dahulu sudah ditenggelami air akibat projek hydro elektrik seperti yang kita jalankan di Temenggor, Bersia, Lawin di Ulu Perak dan sebagainya. Mana-mana kawasan yang tidak ditenggelami air pula kawasan ini diteroka untuk dijadikan kawasan perkampungan atau peladangan yang besar-besar seperti yang dijalankan oleh agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya. Jadi, kemanakah gajah-gajah ini akan mencari perlindungan atau mencari

makanan untuk menyambung hidupnya di dunia ini kalau tidak ke hutan-hutan yang berhampiran dengan kampung-kampung di pendalaman. Jadi, gajah-gajah ini tidak akan tinggal di atas gunung-gunung batu seperti kambing gurun ataupun harimau akar dan sebagainya. Ia mesti mencari kawasan-kawasan hutan yang senang mendapat air untuk mandi dan minum dan senang mendapat makanan bagi menyambung hidup di dunia ini. Oleh itu adalah menjadi kewajipan kepada kita untuk memberikan tempat yang sesuai kalau benar-benar kita hendak bertindak sebagai Khalifah di bumi Allah. Dengan demikian, saya menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh di dalam masa Kerajaan merancang pembangunan negara maka perlulah keadaan dan keselamatan ataupun nasib masa depan hidupan liar ini diambil kira maka dengan yang demikian kita mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul akibat daripada pesatnya projek pembangunan sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua berhubung dengan masalah babi liar. Tuan Yang Dipertua, memang benar dengan sebab adanya kawalan perlindungan di bawah Undang-undang Hidupan Liar ke atas babi hutan maka babi ini telah bertindak lebih ganas lagi sehingga sampai ke kawasan-kawasan kampung dan di bawah-bawah rumah. Walaupun ada dasar Kerajaan membolehkan babi-babi ini ditembak akan tetapi yang menjadi masalah kepada penduduk-penduduk di setengah-setengah kampung mereka tidak mempunyai alat atau senapan untuk memusnahkan babi-babi itu.

Binatang babi ini adalah sejenis binatang yang berbeza dengan gajah. Kalau gajah memanglah lambat biaknya atau kurang baik tetapi babi ini memang sejenis binatang yang cepat membiak. Dengan adanya kawalan undang-undang seperti ini

bermakna masalah yang dihadapi oleh petani-petani di kawasan luar bandar semakin hari semakin meningkat atau semakin besar, oleh sebab itu pihak Kementerian ini perlulah mengkaji langkah-langkah yang positif yang boleh diambil. Kalau gajah tadi ada pasukan penembak ubat pelali maka kita minta unit ini diperbesarkan, dan kalau boleh pihak unit ini juga diluaskan bidang tugasnya selain daripada menembak gajah, boleh menembak apa sahaja binatang-binatang yang boleh menjadi musuh kepada tanaman-tanaman yang diusahakan oleh petani-petani kita kerana saya bimbang pada masa ini sebagaimana yang sama-sama kita faham bahawa negara kita berada di dalam kemelesetan akibat kemelesetan ekonomi dunia, maka dengan sebab itu Kerajaan telah menggalakkan kepada petani-petani di kawasan luar bandar supaya dapat melibatkan diri di dalam usaha menanam segala jenis sayur-sayuran bagi menampung keperluan hidupnya sehari-hari supaya dapat meringankan perbelanjaan hidupnya sehari-hari.

Soalnya sekarang ini bagaimanakah kita dapat memesatkan usaha ini dan menggalakkan rakyat untuk bercucuk tanam kalau musuh-musuh yang sering kali memusnahkan hasil-hasil usaha petani ini tidak dihalang. Apakah jawapan pihak Kementerian yang berkenaan kerana perkara ini selalu dibangkitkan di dalam dialog di kampung-kampung sebagai kami Wakil Rakyat luar bandar, mereka kata apa guna kami bercucuk tanam sedangkan umpamanya katalah padi kita mengambil masa 4-5 bulan berusaha padahal hanya dalam satu malam sahaja datang babi meligannya, habis semua sekali. Jadi usaha yang dibuat 4 bulan itu dapat dihapuskan dalam masa satu hari sahaja. Tidakkah ini membazirkan tenaga, membazirkan usaha dan melemahkan semangat petani-petani? Jadi sejauh mana Wakil-wakil Rakyat dapat

mempengaruhi petani-petani supaya dapat meneruskan usaha bercucuk tanam ataupun menjayakan projek rancangan Buku Hijau di kawasan-kawasan yang terlibat dengan keganasan babi-babi hutan ini.

Oleh sebab babi ini suatu jenis binatang yang cepat membiak saya rasa tidak perlu ianya dibiarkan hidup liar di dalam kampung-kampung dan di kawasan-kawasan pertanian, memadai dipungut anak-anaknya di hantar ke Taman Negara, cukup, insya Allah dalam masa beberapa tahun sahaja barangkali hutan itu akan dipenuhi dengan babi-babi. Mengapa dan kerana apa kalau kita hendak menyelamatkan babi-babi ini, baka babi ini disimpan di kampung-kampung yang boleh merosak, melemahkan semangat petani-petani.

Inilah perkara-perkara yang serius yang saya katakan berlaku di kawasan-kawasan kampung, tetapi saya beritahu kepada pengundi-pengundi saya, tak apalah mereka boleh hentam saya di dalam dialog, saya datang ke mari hentam Menteri pula dalam Parlimen. Jadi Menterilah jawab pula supaya lebih faham apakah masalah mereka kami berjuang atau tidak di dalam Dewan Rakyat, maka sudah kami perjuangkan. Saya berharap perkara ini akan dapat kita atasi supaya masalah rancangan Buku Hijau yang akan kita jalankan ini akan dapat benar-benar mencapai objektif yang kita kehendaki dan dengan yang demikian akan memberi pertolongan yang besar kepada petani-petani dan juga kepada Kerajaan kita bagi mengatasi masalah kesulitan hidup rakyat, terutama di dalam saat-saat negara dilanda oleh kemelesetan ekonomi ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang (Pindaan) Taman Negara, 1980.

Tuan Mutang Tagal: (Bangun).

Tuan Yang Dipertua: Hendak bercakap hal berkenaan dengan gajah dan babi juga?

4.05 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tidak. Tuan Yang Dipertua, saya turut bangun untuk membahar Rang Undang-undang meminda Akta Taman Negara 1980.

Tuan Yang Dipertua, mengikut Fasal 2 Rang Undang-undang yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini setakat ini Pihakberkuasa Negeri harus meminta persetujuan secara bertulis dari Menteri sebelum pembatalan sesuatu Taman Negara atau sebahagian daripadanya dilaksanakan. Dengan pemindahan ini persetujuan Menteri tersebut dibatalkan dan ianya hanya diberitahu sahaja secara rundingan. Jadi nampaknya di bawah pindaan ini Menteri tidak mempunyai apa-apa kuasa bagi menentang Pihakberkuasa Negeri dari membatalkan sesuatu Taman Negara yang terdapat dalam negeri itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, ada beberapa perkara yang harus dipertimbangkan memandangkan apa yang telah saya sebutkan tadi. Adakah langkah tersebut sejajar dan mengikut kepentingan negara kita? Taman Negara bukan sesuatu luxury, ianya adalah satu kemestian, dengan izin, "a must for the country", kepada negara kita. Kita harus mengambil langkah-langkah yang positif demi menjaga memelihara warisan flora dan fauna kita, bukan sahaja untuk mengekalkan keseimbangan ecology ataupun "maintaining ecological balance", juga untuk menentukan bahawa generasi-generasi yang akan datang dapat menikmati kecantikan dan keaslian warisan alam semula jadi kita yang begitu kaya dengan beberapa jenis flora dan fauna. Jadi mengadakan lebih banyak lagi Taman Negara di

mana berbagai binatang-binatang liar, flora, fauna dan kayu-kayan dipelihara akan menentukan matlamat yang saya telah sebutkan tadi akan dipenuhi dalam masa depan. Jadi Taman Negara yang terdapat di negara ini tidak seharusnya dibatalkan bagi maksud melaksanakan projek-projek ataupun kemajuan-kemajuan lain seperti melombong dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan proses pembangunan dan perindustrian kita yang amat pesat setakat ini, tanggungjawab bagi kita untuk menjaga alam semula jadi kita adalah berat. Kita harus mempelajari dari pengalaman negara-negara Eropah yang mana dengan pesatnya proses perindustrian mereka, Kerajaan tersebut gagal mengambil langkah-langkah yang sempurna untuk menjaga kemurnian alam semula jadi mereka. Dengan itu mereka telah menjadi mangsa kepada perbuatan mereka sendiri. Berbagai pencemaran alam semula jadi telah berlaku dalam negara-negara tersebut dan sekarang Kerajaan negara-negara ini sedang mencari jalan bagaimana mengatasi masalah pencemaran alam semula jadi mereka.

Dalam tahun 1898 seorang naturalist terkenal di dunia bernama John Muir telah berkata, saya ingin petik:

"Thousands of "nerve shaken" over-civilised people are beginning to find out that going to the mountains is going home."

Saya percaya hasrat naturalist ini adalah hasrat kita semua. Bukan sahaja mengunjungi Taman Negara, (kalau di dalam konteks kita) seperti balik ke tempat asal ataupun ke kampung bahkan kita rasa bahawa pengalaman balik ke tempat asal itu adalah seperti tinggal di rumah sendiri. Dengan izin, "we not only find going to the parks like going home but more than the experience is more like staying home."

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana itu saya bercadang supaya kawalan-kawalan administratif harus diadakan dalam Kementerian peringkat Federal (Persekutuan) supaya kuasa yang diberikan kepada pihak Berkuasa Negeri tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya bagi membatalkan mana-mana suatu Taman Negara di negara ini. Walaupun dengan adanya pindaan ini Kerajaan Negeri diberi satu longgaran ataupun satu "flexibility" mengenai pentadbiran Taman Negara mereka, ini tidak bermakna bahawa faktor "flexibility" ataupun longgaran dan "administrative convenience" harus dilaksanakan tanpa mengira pentingnya kepermaian alam semula jadi kita.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini.

4.13 ptg.

Tuan Mohamed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyertai bersama-sama dengan Ahli-ahli yang lain membahaskan mengenai dengan Rang Undang-undang meminda Akta Taman Negara, 1983.

Tuan Yang Dipertua, sudah tiba masanya kita menyedari bahawa hal ehwal Taman Negara ini adalah satu hal yang harus diberi perhatian yang berat oleh semua rakyat. Pindaan Akta Taman Negara 1980 menunjukkan kerjasama yang lebih erat dan penglibatan dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di dalam mengendalikan hal ehwal Taman Negara ini. Kita harus bertanya kepada diri kita sendiri apakah sebenarnya fungsi Taman Negara. Di dalam pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, fungsi Taman Negara dibahagikan kepada dua, di samping, pertama iaitu mengekalkan

dan menjaga alam semula jadi, apa yang penting juga ialah Taman Negara harus juga berfungsi untuk memberi kemudahan (facility) yang ada di Taman Negara itu sendiri. Mengekalkan sesuatu alam semula jadi itu tidak akan penuh makna dan erti jika manusia iaitu kita sendiri tidak dapat menikmatinya. Maka oleh yang demikian, saya berharap dan menyeru kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengekalkan dan memberi perhatian supaya fungsi-fungsi yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, kita harus berbangga kerana negara kita ini masih lagi mempunyai hutan belantara yang terkawal dan terpelihara melalui pengisytiharan kawasan-kawasan perhutanan sama ada sebagai Taman-taman Negara ataupun sebagai hutan simpanan, tidak dapat siapa menafikan bahawa pengekalan sesebuah kawasan perhutanan itu adalah penting di dalam kehidupan kita seharian. Mengekalkan sesebuah kawasan perhutanan bermakna kita mengekalkan alam semula jadi yang ada di dalamnya. Di samping itu juga kita dapat mengawal pencemaran dan hakisan tanah dari berlaku. Kemusnahan sesuatu kawasan perhutanan sudah semestinyalah akan melibatkan kemusnahan hidupan liar yang ada di dalamnya. Justeru itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas supaya membentasi dan mengawal kegiatan pembalakan terutamanya, dengan izin, indiscriminate felling dengan lebih teratur dan berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua, jika kemusnahan perhutanan ini terus dibiarkan, saya bimbang dan khuatir banyak jenis kehidupan liar yang ada di negara ini akan lenyap begitu sahaja. Saya tidak hairanlah kalau di dalam masa dua puluh tahun dari sekarang, mungkin cucu-cicit kita

tidak akan kenal apa itu harimau, beruang, gajah, orang hutan dan tidak kenal apa dia burung merak, burung kenyalang dan sebagainya.

Pengekalan hidupan liar ini kita tidak bisa menilai dengan wang ringgit, kita harus menyedari bahawa satu feature yang unik yang ada di dalam negara kita ini ialah kewujudan hidupan liar yang berbilang jenis yang tidak ada di negara-negara lain. Namun demikian, pengekalan hidupan liar ini di dalam hemat saya haruslah juga mengambil kira pembangunan pertanian yang ada di negara ini supaya hidupan liar yang dikekalkan itu tidak akan pula memusnahkan kawasan pertanian yang sedia ada. Di dalam hubungan ini saya rasa pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh mengatasi masalah ini dengan memberikan lebih banyak tenaga manusia kepada pihak Taman Negara supaya mereka boleh menumpukan dan memberi keutamaan yang sepenuhnya di dalam mengawal hidupan liar ini.

Menyedari bahawa Taman Negara memainkan peranan di dalam hidupan kita seharian, Kerajaan harus mengetatkan lagi proses pembatalan sesebuah kawasan Taman Negara dan biarlah proses penubuhan sesebuah Taman Negara itu lebih mudah dan senang dilaksanakan daripada proses pembatalannya. Di dalam hubungan ini adalah wajar bagi semua kuasa negeri yang berkenaan melibatkan diri di dalam urusan pentadbiran Taman Negara dengan lebih aktif lagi.

Saya ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan haruslah mengambil tindakan ke arah menyedarkan rakyat di dalam memahami betapa pentingnya mengekalkan alam semula jadi seperti yang dilakukan dan dilaksanakan oleh pihak Taman Negara. Justeru itu adalah penting supaya Kerajaan menimbang dan seterusnya mengadakan kempen-kempen, kursus-kursus yang tertentu

ke seluruh negara demi mencapai matlamat ini. Hanya dengan kesedaran yang sedemikian itu sahajalah yang akan memastikan kita di dalam mengekalkan alam semula jadi yang kaya dengan keindahan ini. Justeru itu seluruh rakyat terutamanya terlibat di dalam kegiatan pembalakan haruslah memahami dan menyedari dengan hakikat ini. Apa yang penting ialah kerjasama dari mereka ini haruslah dipraktikkan dengan setulus ikhlas hati.

Tuan Yang Dipertua, jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain di seluruh dunia, negara kita adalah salah sebuah negara yang mempunyai alam semula jadi yang unik, terutamanya dengan hutan belantaranya yang tebal dan menarik. Kita tidak dapat menafikan bahawa alam sekitar yang bersih dan nyaman adalah penting di dalam kehidupan kita seharian. Kesihatan akan terganggu jika alam sekitar tidak sesuai dan damai. Hidup dengan serba mewah, hidup dengan kekayaan akan tanpa erti kalau kesihatan sudah terganggu. Di dalam hubungan inilah Taman Negara harus memainkan peranan di mana ianya boleh memberi kemudahan dan fasilitas keselisaan alam sekitar yang boleh dinikmati oleh semua rakyat.

Tuan Yang Dipertua, memang kita sedar bahawa pembangunan perindustrian yang ada di negara kita ini adalah penting tetapi kita harus jangan lupa bahawa setiap pembangunan yang tidak mengambil kira akibat pencemaran alam sekitar akan menimpa kerugian di dalam beberapa aspek. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengambil kira dengan izin, environmental consideration di dalam setiap kajian dan pengendalian projek perindustrian termasuk perlombongan.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi ialah pihak Taman Negara harus mengadakan banyak lagi kemudahan

rekreasi supaya ianya, benar-benar dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di samping bertujuan untuk menjaga dan mengawal sesebuah Taman Negara, pentadbiran Taman Negara harus juga memberi tumpuan yang serius di dalam melaksanakan matlamat ke arah ini. Alam semula jadi yang ada di negara ini adalah kurniaan Tuhan, oleh yang demikian marilah kita menikmati dan abadikan kurniaan Tuhan ini untuk jenerasi kita yang akan datang buat selama-lamanya.

Di sini ingin saya mengucapkan syabas kepada Pejabat Parlimen yang telah mengambil berat di dalam menjaga beberapa ekor rusa yang telah dihadihkan oleh Kerajaan Indonesia, iaitu satu langkah menunjukkan penghargaan dan kesedaran mereka betapa pentingnya memelihara dan mengekalkan hidupan liar walaupun secara sederhana.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Taman Negara, 1983 ini diluluskan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.22 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Selepas membaca Rang Undang-undang ini, saya mendapat tahu bahawa dalam 6 sub-section yang dicadangkan untuk dipinda tidak ada satu sub-section pun yang terlibat dengan penguatkuasaan.

Satu aspek yang bagi saya paling penting, kerana yang setahu kita pernah berlaku di Taman Negara kawasan Endau-Rompin di mana ada pembalakan haram, yang saya tak tahu sama ada sekarang berlaku lagi ataupun tidak. Ini saya berharap pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat

mempertingkatkan kecekapan penguatkuasaan. Kementerian ini hendaklah sanggup mengadakan kakitangan-kakitangan yang cukup supaya pembalakan haram seperti yang berlaku di Endau-Rompin tidak akan berulang lagi. Dan setahu saya pula pembalakan haram ini kadangkala didorong oleh pengaruh-pengaruh besar di negeri-negeri yang berkenaan dan adakah Kementerian mempunyai kaedah dan kuasa untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan haram itu?

Satu perkara lagi iaitu Fasal 2 yang telah dibangkitkan oleh saudara Ahli Yang⁶² Berhormat sebentar tadi bertujuan mempereratkan perundingan-perundingan di antara Menteri dengan pihak berkuasa negeri. Begitu juga dengan Fasal-fasal 5 dan 6 yang akan menggalakkan pihak berkuasa negeri hanya perlu berunding dengan Menteri sebelum memajak atau membenarkan penggunaan ataupun penduduk mana-mana tanah dalam sesuatu Taman Negara. Pada masa ini persetujuan Menteri adalah dikehendaki. Jadi ketiga-tiga fasal ini, saya tidak puas hati dengannya, kerana kuasa yang lebih diberi kepada pihak negeri. Sepatutnya kuasa yang sedia ada di peringkat Menteri itu dipelihara. Inilah suatu perkara lagi yang saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memperhatikan.

Satu perkara lagi walaupun kita hendak memelihara mergastua dan tumbuh-tumbuhan memang suatu alam semula jadi yang dikurniakan oleh Tuhan kepada kita, mestilah kita sanggup memelihara, akan tetapi manusia terutama Orang-orang Asli yang bermastautin di sekitar atau di dalam Taman Negara itu, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh, saya sering kali menerima maklumat dan surat daripada Orang-orang Asli yang membuat aduan tentang tindakan pihak berkuasa tempatan ke atas

mereka. Kadang-kala selepas pihak yang berkuasa tempatan memberi hak ataupun kebenaran kepada pihak pembalok ataupun pelombong, mereka menghadapi kesulitan dari segi tempat alternatif, pilihan yang lain baginya; kesulitan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan sebagainya. Jadi yang penting sekali pihak Kementerian hendaklah memastikan bahawa Orang-orang Asli yang mana Bumiputera ini mendapat perlindungan yang sebenarnya. Satu usaha yang efektif, yang berkesan hendaklah sentiasa diadakan.

Akhirnya oleh kerana masa yang singkat, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi merayu supaya pihak Kementean Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat menguatkuasa apa yang terkandung di dalam Akta Taman Negara ini. Sekian, terima kasih.

4.28 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Bismillah-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, sebagai mengambil peluang yang sama untuk membahaskan Akta (Pindaan) Taman Negara, 1983 ini, saya turut bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain sama ada daripada pihak pemerintah ataupun Pembangkang memberi sokongan terhadap Akta (Pindaan) Taman Negara ini. Dan daripada membentangkan Akta ini dalam Dewan yang mulia ini maka saya dapat menyelami sedikit sebanyak motif ataupun tujuan daripada pihak Kementerian yang berkenaan untuk memberi perhatian yang berat terhadap kedudukan Taman Negara yang selama ini nampaknya tidak begitu banyak dihiraukan dan dibicarakan, tetapi dalam membahaskan Akta ini, saya mempunyai pandangan yang agak berlainan sedikit, iaitu saya ingin mengetahui apakah sebenarnya fungsi Taman Negara ini.

Kita tidak tahu dengan jelas tujuan Taman Negara ini diadakan dan kemungkinan beberapa tempat lagi dalam negara kita akan diisytiharkan sebagai Taman Negara tetapi apakah tujuannya, apakah semata-mata untuk mengawal dan memelihara keindahan alam semula jadi dan begitu juga binatang-binatang liar yang ada di kawasan ataupun dalam negara kita supaya tidak pupus dan hilang. Tetapi kalau setakat ini sahaja, maka kita mungkin tidak dapat memperimbanhi dengan perbelanjaan yang akan dicurahkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan dalam mengawal dan menjaga taman negara ini, dalam saat Kerajaan sekarang mengisytiharkan rancangan jimat-cermatnya, maka Tuan Yang Dipertua, soal inilah yang harus ditekankan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat).

Tujuan Taman Negara ini diadakan apakah juga untuk menarik usaha pelancongan, memajukan perusahaan pelancongan terutama di kalangan pelancongan-pelancongan dari luar negeri. Kalau usaha untuk menarik pelancongan-pelancongan dari luar negeri datang ke negara kita, menyaksi keindahan Taman Negara kita dan menyaksi binatang-binatang liar yang setengah-setengahnya berbeza jauh dengan binatang-binatang dalam negeri mereka. Kalau ini tujuannya, maka pihak Kementerian yang berkenaan ataupun Kerajaan sekarang seharusnya mengadakan kemudahan-kemudahan untuk sampai ke Taman Negara sama ada menerusi sungai ataupun menerusi darat supaya dengan cara yang demikian kita dapat mengimbangi hasil kemajuan daripada perusahaan pelancongan dengan perbelanjaan kita curahkan dalam menjaga dam mengawal Taman Negara kita.

Tuan Yang Dipertua, itu hanya sebagai mengambil kesempatan dalam membahaskan Akta ini dan sebelum

saya duduk saya sekali lagi menyatakan sokongan saya terhadap Akta Taman Negara (Pindaan) 1983 ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Taman Negara, 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan saya minta Menteri yang berkenaan menjawab.

4.33 ptg.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini serta menyokong dan memberikan pandangan-pandangan dan syor-syor yang sangat membina.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengadakan beberapa kawasan untuk dijadikan rezab taman-taman negara atau rezab hidupan liar. Dalam usaha ini, Kementerian saya sedang mengusahakan satu Rancangan Induk bagi Pemeliharaan Tumbuh-tumbuhan dan Hidupan Liar di Semenanjung Malaysia.

Tujuan Rancangan Induk ini ialah untuk memperakukan satu rancangan di mana kawasan-kawasan alam semulajadi di Semenanjung Malaysia boleh dimajukan sebagai taman-taman negara, rezab hidupan liar, sanctuari tugu alam semulajadi dan Taman Samudra.

Penubuhan kawasan-kawasan alam semulajadi tersebut adalah bertujuan untuk memelihara dan melindungi hidupan liar, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang memberi kepentingan dari segi sains dan esthetik, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya

untuk memajukan penyelidikan, kesihatan, nilai esthetik dan rekreasi orang ramai, khususnya rakyat Malaysia.

Tuan Speaker, saya harap ini diterima sebagai jawapan kepada teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Bukit Mas, Hilir Padas dan Rantau Panjang.

Tuan Speaker, ingin saya nyatakan di sini juga bahawa dalam mengambil tindakan untuk memajukan rancangan Induk tersebut, Kementerian saya memerlukan kerjasama daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat mempersetujui cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh Kementerian saya nanti.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan Kepong telah menyentuh tentang kegiatan membalak secara haram. Saya memandang berat soal pembalakan haram ini di kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai taman-taman negara. Perkara ini telah dibawa perhatian pihak berkuasa Negeri yang sedang mengawal hal ini.

Berkenaan dengan kerosakan kepada tanam-tanaman yang disebabkan oleh gajah, seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, saya memang sedar dan Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara, nama ringkasnya PERHILITAN, telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal hidupan liar, terutamanya gajah-gajah liar, yang telah menyebabkan kerosakan serius kepada tanam-tanaman kepunyaan FELDA, FELCRA, ladang-ladang persendirian dan pekebun-pekebun kecil dengan menangkap dan memindah binatang-binatang tersebut

ke beberapa kawasan perlindungan hidupan liar yang khas seperti di Taman Negara, cadangan Rezab Belum dan cadangan Taman Endau-Rompin.

Tuan Speaker, satu unit penangkapan dan pemindahan gajah telah diwujudkan oleh Jabatan PERHILITAN sejak Jun tahun 1974, di mana seramai 15 orang telah diserahkan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut. Kini, kakitangan unit tersebut telah berkembang ke 30 orang. Hanya gajah-gajah liar yang berukuran tapak $30\frac{1}{2}$ sentimeter atau 13 inci ke bawah dikendalikan oleh unit tersebut untuk pemindahan, yang lainnya ditembak mati atau ditinggalkan mengikut had keupayaan (carrying capacity) hutan sekitarnya menampung penghidupan saki-baki binatang yang ada.

Selain dari unit di atas, terdapat juga Bahagian Kawalan Gajah di Perak, Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor yang mana kakitangannya terdiri dari 192 orang. Kerja mereka meliputi mengawal dan menghalau kumpulan-kumpulan gajah liar yang sering merosakkan tanaman kelapa sawit dan lain-lain tanaman yang berhampiran dengan hutan habitat binatang tersebut. Sejak tahun 1974 hingga tahun 1982 sebanyak 20 ekor gajah telah ditembak mati dan 48 ekor ditawan. Penggunaan pagar elektrik oleh FELDA sejak diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dalam tahun 1977 telah dapat mengatasi dengan berkesan sebahagian masalah kerosakan oleh gajah-gajah liar.

Sehingga ke hari ini lain-lain agensi pembangunan tanah turut menggunakan cara ini selain dari menggunakan parit gajah atau timbunan kayu (log barricades). Jabatan PERHILITAN sentiasa mengambil berat mengenai masalah yang dilakukan oleh gajah-gajah liar, kerana binatang ini termasuk dalam golongan species terancam

kehidupan di negara ini. 750 ekor dianggarkan masih ada dan dipelihara di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar Tahun 1972.

Tuan Speaker, Kementerian saya telah menempatkan Renjer-renjer Hidupan Liar di seluruh Semenanjung Malaysia untuk mengawal semua jenis hidupan liar yang merosakkan tanaman. Dengan adanya Renjer-renjer Hidupan Liar, kerosakan dapat dikurangkan. Penduduk-penduduk luar bandar dibenarkan menembak mati jenis-jenis hidupan liar seperti babi hutan, landak (porcupine), lotong dan kera untuk menyelamatkan tanaman mereka.

Berkenaan dengan masalah babi hutan, Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh yang telah menyuarakan beberapa teguran yang mana akan diberi perhatian rapi oleh Kementerian saya dan lain-lain Kementerian yang berkaitan.

Mengenai Orang Asli yang terdapat di dalam Taman Negara, Jabatan Perhilitan membenarkan mereka terus tinggal di dalamnya. Ini adalah kerana mereka merupakan sebahagian dari environment di Taman tersebut. Di samping itu Jabatan Orang Asli seringkali datang memberi bantuan dan nasihat.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh telah membuat saranan baik tentang agensi pembangunan tanah membuat rancangan dahulu sebelum hutan dibuka. Ini adalah untuk mengelakkan kerosakan oleh hidupan liar kemudian kelak. Buat masa ini, agensi-agensi seperti FELDA sentiasa menghubungi Jabatan Perhilitan untuk khidmat nasihat.

Mengenai komunis yang mungkin terdapat dalam Taman Negara, Jabatan Perhilitan sentiasa bekerja rapat dengan Pasukan Keselamatan untuk tindakan lanjut.

Berkenaan dengan kawasan Sungai Endau diwartakan sebagai satu Taman Negara, sememangnya saya ingin supaya kawasan tersebut diisytiharkan sebagai Taman Negara dan perkara ini telahpun saya membincangkan dengan Kerajaan Negeri Johor.

Tuan Speaker, saya ingin mengulangi bahawa semua teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian oleh Kementerian saya. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.54 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983 dibaca kali kedua.

Majlis Tindakan Negara dalam mesyuaratnya yang kelima pada 19hb Mac, 1982 telah membuat keputusan supaya Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) ditutup dan fungsinya diagihkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan, FAMA, MARDI dan majlis-majlis Kerajaan Tempatan. Keputusan ini adalah dibuat kerana pada peringkat pelaksanaan kemudiannya terdapat penindihan tugas dan fungsi di antara MAJUTERNAK dengan MARDI dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan akibat penindihan ini peranan MAJUTERNAK telah berkurangan.

Majlis Tindakan Negara seterusnya telah mengarahkan supaya aktiviti pembinaan, penyelenggaraan dan tanggungjawab rumah sembelih diambil alih oleh Majlis-majlis Kerajaan Tempatan yang berkenaan, kecuali rumah sembelih di Johor Bahru dan Shah Alam dan rumah sembelih yang akan dibina di sempadan Thailand hendaklah dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Ladang-ladang ternakan, melainkan ladang di Karabungan, Miri, Sarawak hendaklah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk tujuan pembiakan lembu. Semua kegiatan dan perniagaan ternakan dan hasil-hasil ternakan MAJUTERNAK hendaklah diambil alih oleh FAMA.

Seterusnya Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 6hb Oktober, 1982 telah menimbang semula keputusan Majlis Tindakan Negara mengenai rumah sembelih dan membuat keputusan baru, bahawa rumah sembelih mungkin tidak sesuai diserahkan kepada Majlis-majlis Kerajaan Tempatan kerana mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan dan kakitangan. Cadangan supaya tugas perancangan, pelaksanaan dan kawalan rumah-rumah sembelih di Semenanjung Malaysia dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah diterima oleh Jemaah Menteri melainkan rumah sembelih di Kuching, Sarawak diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk ditadbirkan oleh mana-mana agensi negeri yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, selaras dengan arahan Majlis Tindakan Negara dan keputusan Jemaah Menteri tindakan telah diambil oleh pihak Kementerian ini bagi melaksanakan keputusan-keputusan tersebut dalam bidang-bidang pemindahan fungsi, kakitangan, kewangan dan anak syarikat MAJUTERNAK.

Tuan Yang Dipertua, Lembaga Kemajuan Haiwan Negara telah diwujudkan melalui Akta Parlimen yang bernama Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972. Oleh yang demikian pembubaran juga dikehendaki dibuat melalui Akta Parlimen. Kementerian saya dengan ini mengemukakan satu Rang Undang-undang bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, Akta 73, dan memindahkan segala harta dan tanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, melalui Rang Akta ini sebarang tindakan undang-undang yang wujud sebelum

berkuatkuasanya Akta tersebut akan diambil alih oleh Kerajaan Malaysia. Sekiranya timbul sebarang kesulitan atau anomaly dalam pelaksanaan Akta tersebut, Yang Berhormat Menteri Pertanian adalah diberi kuasa untuk membuat pengubahsuaian bagi mengatasi kesulitan dan anomaly tersebut. Kuasa ini hendaklah dijalankan dalam masa tiga tahun berkuatkuasanya akta tersebut.

Dengan penjelasan ini saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983 dibaca bagi kali yang kedua.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) tahun 1983 iaitu satu Rang Undang-undang yang bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 dan membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pun telah memberitahu Dewan ini tentang sebab-sebab pihak Kementerian yang berkenaan hendak membawa Rang Undang-undang ke Dewan Rakyat ini. Saya berpendapat bahawa pembentangan Rang undang-undang ini bolehlah difahamkan memandangkan bahawa pembubaran MAJUTERNAK adalah berpunca dari kerugian yang besar, kerugian berjuta-juta ringgit yang dialami oleh badan itu sepanjang tahun-tahun operasinya, projek-projek MAJUTERNAK yang dijangka pada awalnya boleh menghasilkan jutaan ringgit kepada Lembaga telah didapati tidak menguntungkan dan menimbulkan banyak masalah-masalah. Semua masalah-masalah yang berkaitan telahpun dilaporkan dalam surat khabar pada suatu ketika. Ini membuktikan bahawa MAJUTERNAK telah gagal mencapai objektifnya sebagaimana yang terkandung di dalam Akta asalnya. Di samping mendapati projek-projek yang tidak viable malah merugikan, ada satu faktor yang lain yang saya anggap ada penting yang menyebabkan kegagalannya, iaitu salah pengurusan atau pengurusan yang tidak cekap dan tidak amanah. Pembubaran MAJUTERNAK menunjukkan kepada kita semua satu lagi projek yang menjadi kebanggaan Kerajaan selama ini telah gagal sebagaimana projek Gula Negeri Sembilan dan lain-lain projek. Ini seharusnya menjadi satu pengajaran kepada badan-badan atau lembaga-lembaga lain yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Saya rasa bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan patutlah memberi satu gambaran yang betul kepada Dewan ini tentang kegagalan MAJUTERNAK memandangkan bahawa rakyat dan pembayar-pembayar cukai di negara ini hendak tahu mengapa masalah seperti salah pengurusan atau pengurusan yang

tidak cekap dan tidak amanah boleh berlaku dalam badan itu dan dapat mengelak kawalan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan bahawa Rang Undang-undang ini membuat peruntukan mengenai penurunan kuasa, hak, tugas, liability dan tanggungan Lembaga Kerajaan Malaysia, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu dua perkara penting yang berpunca dari persatuan-persatuan seperti Pertubuhan Peraih-peraih Daging Wilayah Persekutuan dan Selangor yang selama ini ada hubungan yang rapat dengan MAJUTERNAK. Persatuan ini menjadi tali penghubung di antara peniaga-peniaga kecil dan badan MAJUTERNAK. Sebarang kesulitan yang timbul dari perkhidmatan yang tidak memuaskan seperti perkhidmatan penyembelihan ternakan di rumah sembelih Shah Alam maka ianya akan diselesaikan melalui perundingan antara persatuan dan pihak pengurusan MAJUTERNAK dan rumah sembelih.

Tuan Yang Dipertua, dalam hal ini, saya suka menimbulkan perkara yang berbangkit dalam suatu mesyuarat antara wakil-wakil Pertubuhan Peraih-peraih Daging Wilayah Persekutuan dan Selangor dengan wakil pengurusan MAJUTERNAK pada 24hb Mac, 1982 bertempat di rumah sembelih Shah Alam. Dalam mesyuarat itu beberapa perkara tuntutan persatuan telah ditimbulkan dan wakil pengurusan MAJUTERNAK pada masa itu bersetuju merujuk tuntutan itu kepada Lembaga MAJUTERNAK untuk diatasi. Tuntutan pampasan dari persatuan yang berjumlah sebanyak lebih kurang \$50,000 adalah berkaitan dengan pampasan yang dituntut oleh ahli-ahli persatuan yang tidak puas hati dengan pentadbiran rumah sembelih Shah Alam pada masa itu yang mengakibatkan keburukan perkhidmatan di rumah sembelih di

Shah Alam akibatnya ternakan yang dihantar ke rumah sembelih Shah Alam untuk disembelih mengalami banyak masalah dan kerugian yang besar. Maka dengan pembubaran ini, apakah akan terjadi dengan permintaan-permintaan daripada Persatuan Peraih-peraih Daging kepada MAJUTERNAK untuk membayar ganti rugi yang tercatat di dalam mesyuarat itu. Apabila perkara ini disampaikan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan baru-baru ini, Jabatan Haiwan tidak mahu bertanggungjawab. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan berhubung dengan perkara ini. Pada hemat saya Kerajaan haruslah melayani permintaan yang sah daripada persatuan itu dan seterusnya membuat pembayaran ganti rugi kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Semasa membahas Rang Undang-undang ini, saya juga ingin membangkitkan perkara tentang beribu-ribu ekar kawasan-kawasan ternakan lembu yang dahulu dimiliki oleh MAJUTERNAK sebelum pembubaran ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menerangkan bahawa beribu-ribu ekar kawasan-kawasan ternakan lembu ini akan diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Oleh hal yang demikian, saya suka mendesak pihak yang berkenaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Haiwan supaya dapat melaksanakan satu strategi yang positif, yang dinamis, yang dapat menentukan produktiviti di kawasan-kawasan ternakan lembu yang akan diambil alih oleh Jabatan yang berkenaan.

Di sini suka saya mencadangkan supaya kawasan-kawasan ternakan tersebut diserahkan kepada pihak swasta diusahakan menjadi kawasan ternakan lembu selaras dengan dasar pengswastaaan. Ramai pengusaha-pengusaha swasta yang berminat

dalam hal ini dan saya rasa bahawa sekiranya mereka dapat diberi peluang untuk menyertai skim-skim selaras dengan dasar pengswastaaan maka hasil, ternakan itu bolehlah dipasarkan dalam negara kita.

Ada satu soalan yang saya suka kemukakan di sini iaitu tentang pengambilan alih kawasan-kawasan ternakan lembu dan juga tentang tugas-tugas yang diambil alih oleh Jabatan Haiwan. Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada jabatan yang berkenaan mempunyai kapasiti yang cukup, mempunyai tenaga kemahiran yang cukup untuk menanggung tanggungjawab yang akan diserahkan kepada Jabatan Haiwan itu. Saya timbulkan perkara ini oleh kerana saya rasa bahawa adalah sangat mustahak supaya Jabatan Haiwan ini tidak akan melaksanakan apa-apa tindakan yang silap yang boleh ataupun yang mungkin menimbulkan masalah-masalah yang kita semua dapat lihat apabila pentadbiran diserahkan kepada badan MAJUTERNAK.

Pada akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan sedikit sebanyak tentang masalah perkhidmatan penyembelihan yang tidak memuaskan di Rumah Sembelih Shah Alam. Banyak ternakan yang tidak disembelih dengan sempurna. Ada terdapat ternakan hilang, isi perut (carcass) hilang dan masih terdapat kekotoran dan bulu pada daging-daging disamping kemudahan penyembelihan yang tidak mencukupi yang berlaku di rumah sembelih itu. Walaupun perkara ini telah dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu terutama persatuan-persatuan yang berkenaan, namun sehingga hari ini masih belum disempurnakan lagi. Dengan pembubaran MAJUTERNAK maka saya berharap pengurusan baharu akan dapat

mengambil beberapa langkah tertentu untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang.

Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.14 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di Dewan ini sebentar tadi, yang bertujuan untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara atau MAJUTERNAK yang telah ditubuhkan di bawah Akta ini dan juga bagi memindahkan semua hartanya kepada Kerajaan serta membuat lain-lain peruntukan mengenai lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang Dipertua, suka saya menyentuh beberapa perkara di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya percaya keputusan bagi membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ataupun MAJUTERNAK ini tentulah telah dibuat oleh Kerajaan setelah menimbangkan segala aspek dengan penuh teliti dan setelah menimbangkan juga untung rugi, baik dan buruknya kepada Lembaga itu sendiri kepada negara dan juga kepada rakyat. Saya menganggap keputusan ini adalah satu keputusan berani Kerajaan memandangkan ianya boleh mendedahkan Kerajaan kepada kritikan-kritikan dan tuduhan-tuduhan daripada setengah-setengah golongan tertentu yang tidak faham. Walau apa jua pun kritikan-kritikan dan tuduhan-tuduhan yang akan dilemparkan kepada Kerajaan, saya

berpendapat Kerajaan tidak boleh memperdagangkan kejujuran dan tanggungjawabnya kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua, pembubaran MAJUTERNAK ini bukanlah satu bahan yang patut dijadikan isu atau perkara pokok pada masa ini. Kita hendaklah memberikan perhatian kita kepada perkara yang lebih penting berikutan daripada pembubaran ini. Apa yang lebih penting difikirkan sekarang ialah soal masalah dan langkah-langkah yang perlu yang patut dan yang hendak diambil oleh Kementerian bagi memaju dan memperkembangkan dengan lebih berkesan dan berjayanya perusahaan ternakan di negara ini untuk menjamin keperluan daging dalam negara ini dan meninggikan taraf ekonomi penternak-penternak. Kita sudah tentulah tidak hendak terus menerus bergantung kepada punca-punca import bagi memenuhi keperluan daging kita sendiri, kerana selain daripada merugikan ia juga mempunyai pelbagai masalah-masalahnya. Oleh kerana mungkin terdapat kalangan rakyat yang tidak berapa pasti tentang rancangan Kerajaan di dalam perkara ini, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat menerangkan kepada Dewan ini apakah dan bagaimanakah rancangan/program dan langkah-langkah yang telah dan akan disusun oleh Kementerian beliau bagi menjamin bekalan daging yang cukup, stabil dan pada kadar harga yang stabil dan berpatutan pula terutamanya daripada punca-punca dalam negeri sendiri. Di dalam hal ini, saya benar-benar berharap Kementerian akan dapat mengemukakan rancangan-rancangan yang sekali gus akan melibatkan penyertaan rakyat secara langsung dan lebih intensif supaya dasar ternakan negara bukan sahaja bertujuan untuk menjamin bekalan tetapi juga untuk meningkatkan ekonomi penternak-penternak.

Tuan Yang Dipertua, kita juga harus hendak mengetahui apakah rancangan kegunaan tanah-tanah bekas kawasan-kawasan ladang ternakan MAJUTERNAK setelah Lembaga ini dibubarkan. Berdasarkan kepada kesesuaian tanah-tanah yang memang telah diketahui, adakah ia akan terus digunakan untuk tujuan yang sama tetapi oleh pihak dan dengan pendekatan yang lain atau digunakan untuk lain-lain tujuan. Di dalam hal ini, saya berpendapat Kerajaan perlulah lebih berhati-hati supaya apa-apa jua keputusan yang dibuat tidak akan mengulangi lagi masalah-masalah dan apa-apa jua kesilapan-kesilapan yang telah menyebabkan kegagalan rancangan-rancangan MAJUTERNAK di masa yang lalu.

Memandangkan MAJUTERNAK akan dibubarkan, saya juga beranggapan bahawa setengah-setengah Kerajaan Negeri haruslah berhasrat dan ada mempunyai rancangan-rancangan tertentu yang sesuai bagi menggunakan dan memajukan sendiri tanah-tanah ini untuk rancangan-rancangan alternatif, oleh kerana ia tidak diperlukan lagi oleh MAJUTERNAK bagi tujuan asal tanah-tanah tersebut diluluskan kepada MAJUTERNAK. Sekiranya perkara ini timbul, saya hanya menjangkakan sahaja, Tuan Yang Dipertua, saya berharap Kerajaan Pusat akan bersedia berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk menyerahkan balik tanah-tanah ini untuk kegunaan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan cara-cara dan bagi rancangan-rancangan kemajuan rakyat yang boleh diterima bersama oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak membangkitkan juga satu masalah berhubung dengan pemubaran MAJUTERNAK ini, iaitu berkenaan dengan satu projek MAJUTERNAK di Tersat,

Terengganu di mana pada asalnya satu kawasan seluas 5,000 ekar telah diluluskan tetapi oleh kerana pertimbangan-pertimbangan dan keadaan-keadaan tertentu hanya 2,000 ekar sahaja daripada kawasan tersebut telah dibangunkan. Ada terdapat 3,000 ekar tanah baki yang belum lagi dibangunkan pada masa ini tetapi sesuai untuk dijadikan kawasan ragutan (grazing area). Saya berharap pihak Kerajaan akan bersedia untuk menimbangkan kawasan 3,000 ekar ini akan dapat dibangunkan atau digunakan untuk memberi faedah kepada penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Yang Dipertua, setelah mengkaji Rang Undang-undang ini, saya mendapati beberapa perkara sampingan yang suka juga saya sebutkan di sini.

Yang pertamanya, saya mendapati bahawa negara kita sehingga ini masih lagi belum mencapai kemajuan-kemajuan yang memuaskan di dalam bidang-bidang dan tanaman-tanaman pertanian tertentu seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain, apatah lagi dalam bidang ternakan ini sendiri. Kita bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan bekalan tetapi juga masalah mutu buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan-ternakan kita. Kita di negara ini merasa agak kagum dengan mutu buah-buahan yang diimport dari negara Thailand, bahawa buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan-ternakan mereka adalah sangat jauh lebih superior daripada buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan-ternakan kita dan ini menjadi sebab yang penting mengapa terdapat di kalangan rakyat kita yang lebih suka makan buah-buahan daripada negara tersebut yang diimport sebagai contoh. Saya berpendapat penghasilan tanaman-tanaman makan di negara tersebut yang lebih superior daripada kita bukanlah semata-mata kerana faktor-faktor alam semula jadi, tetapi yang terlebih utamanya ialah hasil daripada

penyelidikan-penyelidikan yang meluas, mendalam, extensive dan berterusan yang dilakukan di negara tersebut di dalam bidang ini, sebagaimana kita telah berjaya. Tuan Yang Dipertua, saya suka tekankan, kita mengeluarkan hasil-hasil tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain yang lebih superior daripada negeri tersebut dan lain-lain negara juga kerana kejayaan-kejayaan kita dalam usaha-usaha penyelidikan yang lebih baik. Saya berharap pihak Kementerian akan dapat meneliti pandangan ini sekiranya betul dan benar dan boleh memndatangkan faedah serta manfaat kepada negara dan petani-petani.

Bercakap tentang kemasukan bahan-bahan makanan daripada negara Thailand ke negara ini, Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menarik perhatian Dewan ini dan Kementerian Pertanian khususnya terhadap masalah yang ditimbulkan olehnya ke atas pengeluar-pengeluar dan pengusaha-pengusaha tempatan. Kemasukan daging dan ayam daripada negara Thailand ke negara kita telah mendatangkan masalah kepada pengusaha-pengusaha tempatan—itu tidak berapa lama dahulu.

Baru-baru ini pula terdapat pula kejadian kemasukan ikan daripada negara tersebut ke negara ini sehingga mendatangkan kesan buruk dan masalah kepada penangkap-penangkap dan pengusaha-pengusaha ikan di negara ini. Kemasukan ikan daripada negara Thailand telah menyebabkan kejatuhan harga ikan-ikan tempatan, malah lebih buruk lagi kehilangan pasaran setengah-setengah jenis ikan; ikan basah dan ikan kering dalam negara kita.

Di dalam kawasan saya, kawasan Ulu Nerus terdapat ramai pengusaha-pengusaha ikan kering yang mengadu bahawa mereka tidak dapat meneruskan perusahaan ikan kering,

kerana harga di pasaran terlalu rendah mengakibatkan perusahaan tidak viable dan tidak ekonomi. Nelayan-nelayan mengadu beberapa jenis tangkapan mereka jatuh harga dan pendapatan mereka terjejas kerana tiada pembeli. Setengah-setengah jenis ikan yang dahulunya boleh dikeringkan hanya boleh dijual untuk dibuat baja dan dengan hal yang demikian harganya lebih rendah.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian yang serius dan bersejara daripada pihak Kementerian dan memberitahu kita mengapa kemasukan ikan-ikan dari negara Thailand ini telah berlaku dan apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini dengan segera dan berkesan juga bagi menjaga kepentingan negara dan rakyat berpendapatan rendah, khususnya golongan nelayan dan pengusaha-pengusaha ikan yang terdiri daripada pemodal-pemodal kecil.

Keduanya, Tuan Yang Dipertua, pembubaran MAJUTERNAK ini juga menunjuk dan membuktikan dengan jelasnya kepada kita terhadap hakikat bahawa Kerajaan sendiri, sama ada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan-kerajaan Negeri tidak dapat mengelak dan lari daripada menghadapi akibat-akibat dan bertanggungjawab terhadap kegagalan-kegagalan mana-mana badan-badan berkanun dan agensi-agensi yang ditubuhkan oleh mereka bagi mempelopori pembangunan dan kemajuan negara dan juga yang mempunyai lain-lain tujuan yang spesifik.

Sebagaimana hasil faedah dan keuntungan-keuntungan daripada kejayaan-kejayaan badan-badan, berkanun dan agensi-agensinya akan kembali kepada Kerajaan, kegagalannya juga akan kembali kepada Kerajaan tetapi dengan segala akibat-akibatnya. Dengan hal yang demikian, adalah sangat perlu bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah

yang bersistematik dan berkesan untuk memastikan kejayaan badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat anaknya pada setiap masa. Bagi tujuan ini adalah sangat-sangat perlu bagi Kerajaan bersikap selective di dalam perlantikan-perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan tenaga pengurusan atasan sesuatu badan berkanun dan syarikat-syarikat anak mereka, di samping mengamalkan prinsip, dengan izin, check and counter check dengan mengadakan, kalau boleh, saya cadangkan, pertukaran tenaga yang bertanggungjawab terhadap dasar dan pengurusan atasan pada satu-satu interval yang tidak lebih daripada 5 tahun atau satu-satu tempoh masa yang sesuai. Di samping itu Kerajaan hendaklah terus meningkatkan keazaman dan usaha-usahanya untuk memastikan semua badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat anaknya mengamalkan prinsip-prinsip perancangan, prinsip-prinsip operasi dan kawalan yang baik dan berkesan. Kerajaan juga janganlah terlalu toleransi terhadap sebarang sikap, perbuatan dan amalan-amalan tidak bertanggungjawab, tidak cekap dan penyelewengan di dalam badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat anak mereka. Sikap toleransi begini pada pandangan saya hanya akan membantu mengekalkan kelemahan-kelemahan dan tendency badan-badan Kerajaan untuk menuju ke arah kerugian dan kegagalan.

Tuan Yang Dipertua, jikalau benar laporan sebuah akhbar pada hari ini tentang bagaimana terdapat jentera-jentera dan barang-barang mewah yang bernilai lebih kurang \$9 juta yang telah dibeli oleh sebuah syarikat anak RISDA yang ditinggalkan terbengkalai, maka ini adalah satu lagi bukti terhadap apa yang telah saya bangkitkan di Dewan ini.

Itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang Dipertua, di dalam membahaskan Rang undang-undang ini. Saya dengan rendah hati mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.29 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini di samping menyokong dengan sepenuh-penuhnya akan Rang Undang-undang Akta memansuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, mengapa dan kerana apa Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Di antaranya oleh sebab berlakunya timbal tindih tugas agensi-agensi seperti FAMA, MARDI dan sebagainya menyebabkan pengurusan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ini tidak dapat berjalan ataupun mencapai objektif yang sebenarnya. Tetapi sebenarnya perkara ini sudah tidak menjadi rahsia umum kerana beberapa ketika yang lalu pihak akhbar telah membuat liputannya begitu luas berhubung dengan berlakunya kurang kecekapan di bidang pengurusan dan juga penyelewengan di dalam MAJUTERNAK ini sendiri.

Saya rasa pihak Kerajaan tidak harus merasa malu untuk menyebut dengan jelas tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawainya ataupun oleh mana-mana agensi Kerajaan kerana perbuatan-perbuatan yang seumpama itu adalah di luar bidang kuasa kita manusia. Itu adalah kuasa Tuhan

dengan diri yang empunya melakukan perbuatan itu, sama ada dia jahat atau dia baik, Kerajaan tidak ada kuasa. Bak kata pepatah Inggeris kita hanya mampu membawa kuda itu ke tepi sungai sahaja tetapi kita tidak ada kuasa untuk minum air atau memberi minum air kepada kuda itu. Kita tidak harus takut. Jadi, apa yang perlu kita fikirkan setakat mana keupayaan kita, kemampuan kita di dalam melindungi rakyat ataupun kepentingan rakyat dan negara bagi mencegah, menentang sebarang perbuatan yang kita anggap menyeleweng atau curang itu.

Kita tahu pada masa ini Kerajaan telahpun menjalankan berbagai-bagai usaha bagi menentang perbuatan-perbuatan ini, misalnya seperti mengadakan kursus-kursus, ceramah-ceramah, seminar-seminar kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kepada pegawai-pegawai agensi Kerajaan sama ada di institusi-institusi yang resmi seperti INTAN dan sebagainya atau di dalam forum-forum perjumpaan yang dibuat dari semasa ke semasa. Ini langkah yang kita buat bagi mencegah perbuatan-perbuatan yang curang itu. Dan selain daripada itu mengadakan kawalan menerusi pegawai-pegawai yang sentiasa mengawas setiap tindak-tanduk yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Satu lagi ialah dengan cara yang dibawa, yang dilakukan oleh Kerajaan menerusi Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu membubarkan agensi-agensi yang difikirkan boleh merugikan rakyat, boleh merugikan negara. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir kerana berani dan jujur serta bertanggungjawab terhadap negara dan rakyat untuk membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan

Yang Mulia ini sebagai salah satu usaha mengamalkan konsep cekap, bersih dan amanah.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, segala maklumat-maklumat, pengalaman-pengalaman yang didapati daripada kecurangan ataupun perkara-perkara yang menyebabkan terjejasnya kelicinan perjalanan Lembaga Kemajuan Ternakan ini kita berharap akan memberi beberapa faedah kepada Kerajaan dan rakyat seluruhnya.

Satu daripadanya, Tuan Yang Dipertua, dengan berlakunya pembubaran ke atas sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri kita berharap akan dapat mempertingkatkan lagi kewaspadaan Kerajaan ke atas perjalanan sesebuah agensi yang sedang menjalankan operasinya di masa kini dan yang akan ditubuhkan di masa akan datang. Sekurang-kurangnya keadaan yang curang dan pengurusan yang tidak cekap itu tidak akan berulang lagi dalam sejarah perjalanan pembangunan agensi di negara ini dan dengan yang demikian kita berharap sesebuah agensi itu akan sentiasa bergerak di atas landasan yang sebenar-benarnya. Jika sesebuah agensi itu dapat digalakkan di atas landasan yang betul di samping berjaya mencapai matlamat yang dirancangan sudah pasti harapan rakyat untuk hidup di bawah naungan Kerajaan yang adil dan negara yang makmur lambat-laun akan berjaya.

Tuan Yang Dipertua, pembubaran Akta ini juga secara tidak langsung akan memberikan suatu tauladan, suatu pengajaran atau kesedaran yang berguna kepada mereka yang suka melakukan kecurangan, tidak beramanah, tidak jujur dan tidak bertanggungjawab dalam

mengendalikan sesebuah agensi yang diamanahkan oleh negara dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang Dipertua, saya katakan begitu kerana setiap perbuatan yang curang, tidak jujur, tidak amanah dan tidak bertanggungjawab itu lambat-lain akan diketahui umum juga. Lagipun pepatah Melayu ada mengatakan, sependai-pandai tupai melompat, ada kalanya jatuh ke tanah juga kerana perbuatan yang seumpama ini bukan sahaja tidak digemari oleh masyarakat tetapi akan dikutuk oleh Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana. Tidak ada makhluk di bumi atau di langit yang dapat mengatasi kebijaksanaan Allah, setiap gerak-geri dan kelakuan kita mungkin boleh dilindungi dari pengetahuan dan penglihatan umum atau penglihatan manusia tetapi tidak seorang pun daripada makhluk ini yang dapat melarikan diri dari penglihatan dan pengetahuan Allah. Oleh itu ingatlah sebelum kena dan jimatlah sebelum habis, janganlah terantuk baru ternagadah.

Tuan Yang Dipertua, walaupun Lembaga ini akan dibubarkan tetapi suatu hakikat yang harus kita akui sejak sekian lama Lembaga ini menjalankan operasinya sudah pasti tidak dapat disangkal bahawa ada di antara kakitangan yang seramai itu mereka yang benar-benar jujur, benar-benar cekap dan benar-benar bersih. Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan di atas tadi atau yang saya tegaskan tadi mereka yang tidak berdosa itu telah menjadi korban segelintir manusia yang menjadi kuda tunggangan nafsu tamak dan haloba itu.

Tuan Yang Dipertua, orang-orang yang jujur dan berpengalaman itu merupakan suatu khazanah negara yang paling berharga. Oleh itu, demi kepentingan negara dan demi kepentingan mempertahankan keadilan dan kebenaran, maka pada

hemat saya mereka yang seumpama ini perlulah diberi pertimbangan dan kalau boleh diserapkan kepada mana-mana jurusan yang sesuai dengan kebolehan dan kelayakan akademik mereka. Tuan Yang Dipertua, tindakan seperti ini amatlah perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya agar rakyat benar-benar yakin dan faham serta mengerti bahawa mereka yang bertanggungjawab, mereka jujur, mereka yang amanah sudah pasti akan diberi perlindungan di bawah dasar keadilan sosial Kerajaan dan begitu juga mereka yang sebaliknya yang sudah pasti akan diseret ke muka pengadilan untuk diadili perbuatan mereka itu.

Tuan Yang Dipertua, mereka yang jujur dan banyak pengalaman itu jika dapat diserapkan ke mana-mana jurusan yang sesuai dan menasabah sudah pasti akan memberikan suatu keuntungan kepada negara di samping mereka sendiri dapat menjamin masa depannya yang lebih cemerlang. Saya berharap pandangan saya ini akan diambil kira tatkala Kerajaan akan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, jika ditinjau dari segi objektif kenapa dan mengapa Lembaga Kemajuan Ternakan itu ditubuhkan beberapa tahun lalu, jelas kepada kita salah satu daripada beberapa objektif itu ialah untuk menampung keperluan susu dan daging di negara ini disamping akan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Oleh itu, saya berharap sempena dengan tindakan membubarkan Akta ini Kerajaan tidak seharusnya bersikap seperti kata pepatah Melayu: Marahkan pijat bakarkan kelambu. Maksud saya sekalipun Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ini dibubarkan atau ditiadakan tetapi langkah-langkah yang membina lagi berkesan perlulah difikirkan dan dilaksanakan agar matlamat untuk

menampung keperluan susu dan daging negara di samping mewujudkan pekerjaan di kalangan rakyat di negara ini akan dapat diteruskan di dalam yang lebih menjamin dan lebih membina.

Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa bidang tugas, tanggungjawab atau peranan Lembaga Ternakan Negara ini telah diserapkan kepada beberapa agensi Kerajaan seperti MARDI, FAMA dan sebagainya dan juga diserapkan kepada Jabatan-jabatan Perkhidmatan Haiwan. Saya merasa khuatir kerana apa yang diketahui setakat ini agensi-agensi dan jabatan-jabatan ini mempunyai program-programnya yang tersendiri, sekiranya beban-beban yang ada kepada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ini semata-mata diserahkan sahaja tanpa diikuti dengan memberikan segala keperluan untuk menampung keperluan yang ada atau kemampuan yang ada kepada Jabatan-jabatan Perkhidmatan Haiwan atau kepada agensi-agensi Kerajaan itu, saya takut rakyat akan menuduh perbuatan itu seperti melepaskan batuk di tangga sahaja. Oleh sebab itu, perlulah pihak Kementerian ini menambahkan keupayaan kepada pihak-pihak yang diberikan tugas atau yang diserapkan tugas Lembaga Kemajuan Ternakan ini lebih daripada apa yang ada kepada mereka selama ini dan kita berharap dengan cara seperti itu akan dapat mereka benar-benar menjalankan usaha-usaha mereka bagi mencapai sedikit-sebanyak objektif yang terkandung di dalam Lembaga Kemajuan Ternakan Negara atau Maju Ternak yang dibubarkan itu.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun sebagai anggota Dewan yang mulia ini, ingin saya menyarankan beberapa pandangan supaya objektif atau matlamat untuk menampung keperluan susu dan daging negara ini tidak terbengkalai,

saya berharap dan menyarankan kepada pihak yang berkenaan atau Kementerian berkenaan supaya dapat membuat kajian yang menyeluruh agar industri pertanian haiwan ini dapat diperluaskan dan diperbesarkan di seluruh negara. Di samping itu seberapa banyak khidmat rakyat, tenaga rakyat perlulah dilibatkan bagi menjayakan rancangan yang tersebut, bukan hanya sebuah agensi seperti Lembaga Kemajuan Ternakan semata-mata.

Untuk mencapai matlamat ini, Tuan Yang Dipertua, salah satu kaedah yang dapat saya fikirkan ialah Kerajaan perlu mengkaji tentang kedudukan kawasan-kawasan rizab yang dikhaskan untuk ternakan di negara ini yang dirizabkan sejak di zaman penjajahan lagi. Saya tidak nafikan kawasan-kawasan rizab untuk ternakan, atau dengan lain perkataan, disebut padang ragut, itu memang ada rancangan-rancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan padang ragut itu yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian. Saya sedar juga keupayaan yang ada di Kementerian yang berkenaan sama ada dari segi kewangan, tenaga mahir dan separuh mahir. Apa yang saya harapkan supaya dasar yang lebih membina perlu difikirkan oleh sekalian Ahli-ahli Jemaah Menteri, bukan oleh pihak Kementerian Pertanian itu sahaja dan dijadikan masalah ini sebagai suatu isu negara, isu nasional agar kawasan yang dikatakan rizab untuk ternakan, atau dengan lain perkataan, padang ragut yang masih luas beratus-ratus malah beribu-ribu hektar itu masih belum dapat dibangunkan sejak dari zaman penjajah lagi. Kemajuan yang dapat dicapai setakat ini amat mengecewakan para penternak di negara ini. Tuan Yang Dipertua. Padahal jika ditinjau di daerah-daerah atau di kawasan-kawasan di mana kawasan yang sudah dimajukan, umpamanya, di Kampung Temelong

iaitu sebuah kawasan padang ragut dalam kawasan pilihanraya saya. Apabila kawasan padang ragut Kampung Temelong ini dapat dimajukan sebahagian kecilnya, saya kata sebahagian kecil kerana kawasan ini lebih daripada 200 ekar yang baru dimajukan hanya 50 ekar sahaja.

Saya nampak banyak manfaat, banyak faedahnya bukan sahaja kepada penternak-penternak, tetapi kepada masyarakat di tempat itu, misalnya, sejak padang ragut Kampung Temelong itu dimajukan banyak masalah-masalah telah dapat diatasi. Satu daripadanya masyarakat tempatan tidak lagi seringkali berbalah, masyarakat di kampung ini tidak lagi bergaduh atau berkelahi tiba musim bersawah kerana kerbau-kerbau itu seringkali merosakkan tanaman mereka. Tetapi dengan adanya bagan-bagan ini maka kerbau-kerbau itu dapat dimasukkan, dikawal di dalam bagan yang teratur dengan sempurna, dengan rumput atau makanan yang cukup maka kerbau pun selamat, masyarakat pun aman, tanaman pun selamat daripada dibinasakan oleh binatang-binatang itu dan binatang itu terselamat daripada perbuatan, kadang-kadang perbuatan nakal mereka yang hilang sabar ke atas keganasan binatang yang mengganggu tanaman mereka seperti disiram dengan ubat getah atau cuka getah atau ditetak dengan parang dan sebagainya dan di samping itu kadangkala berlaku tembakan ke atas binatang-binatang itu dan sebagainya.

Di samping itu penternak-penternak kecil di kampung-kampung ini akan dapat dibimbing, diberi tunjuk ajar bagaimana, cara mana untuk memajukan usaha ternakan mereka secara lebih bersistematik dan berekonomi. Juga pegawai-pegawai haiwan sendiri akan lebih mudah untuk mengawal ternakan-ternakan ini jika berlaku wabak penyakit seperti penyakit mulut atau penyakit kuku

yang berlaku di mana-mana kawasan yang lain. Jadi dengan adanya kerbau-kerbau atau binatang yang terkawal dan terkurung di dalam kawasan yang sempurna dengan mudah ubat-ubat pencegah penyakit ini akan dapat disuntik kepada binatang-binatang ini bagi mencegah merebaknya penyakit-penyakit yang boleh membunuh binatang-binatang yang kelak merugikan penternak-penternak itu sendiri khasnya dan negara amnya.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu Kerajaan juga patut mencari kawasan-kawasan yang baru seperti tanah-tanah lombong yang terbiar di negara ini, jika kawasan-kawasan lombong yang sudah dikerjakan berpuluh-puluh tahun malah beratus-ratus tahun dahulu dapat dimajukan dan ditanam dengan rumput-rumput yang bermutu, maka sudah pasti kawasan-kawasan itu boleh dijadikan kawasan industri penternakan atau ladang penternakan yang berekonomi. Kawasan-kawasan yang sudah dimajukan itu bukan sahaja akan dapat mencantikkan pemandangan alam sekitar, tetapi sebenarnya kita dapat menyelamatkan pembaziran berjuta-juta ringgit yang seharusnya dinikmati oleh negara dan rakyat. Kawasan-kawasan lombong yang terbiar itu bukan semuanya tidak sesuai dan tidak boleh dimajukan sebagai ladang-ladang ternakan.

Contohnya, hari ini terdapat satu kawasan Tasik, Ipoh berhampiran dengan kilang simin berdekatan dengan Sungai Siput. Pada masa dahulu kawasan ini sakit mata memandang, tetapi sekarang kawasan ini telah menarik perhatian ramai orang, terutama mereka yang berminat dalam usaha penternakan ini. Tiap-tiap tahun beratus-ratus bakal penternakan itik, ayam yang dapat dilatih di dalam kawasan ini di samping beratus-ratus ekor binatang kambing, lembu dapat dipelihara di kawasan ini. Ini adalah satu contoh yang dapat dibuat menerusi kerjasama di antara Kerajaan Negeri, pada masa

itu kalau tidak salah ingatan saya, negeri Perak di bawah pimpinan Yang Berhormat Ahli daripada Selama, Datuk Seri Haji Kamaruddin yang menjadi Menteri Besar Perak pada ketika itu, yang pada mulanya dinamakan kampung cowboy—tetapi di hari ini tempat ini telah mengagumkan kebanyakan penternak-penternak kerana dari sinilah lahirnya beberapa orang penternak-penternak muda yang berjaya dalam usaha penternakan mereka seperti ayam, itik, kambing dan sebagainya.

Saya mengambil kesempatan pada petang ini di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan juga Kerajaan Negeri Perak atas kejayaan mereka menunjukkan contoh dan tauladan di mana kawasan-kawasan lombong dapat dimajukan sebagai industri penternakan. Tetapi tidak hanyalah satu sahaja, apa yang saya berharap ialah kajian yang menyeluruh hendaklah dibuat dengan sokongan ahli-ahli daripada Jumaah Menteri.

Saya yakin dan percaya banyak kawasan-kawasan lombong yang terbiar yang memburukkan pemandangan alam negara ini jika dilihat dari udara, kita tukarkan menjadi kawasan yang cantik, yang berekonomik, yang berfaedah, dan bermanfaat. Dengan yang demikian bukan sahaja kita dapat jadikan kawasan-kawasan sebagai ladang untuk ternakan binatang-binatang, di samping mengadakan bekalan susu, daging yang banyak. Dan boleh dijadikan sebagai institusi sebagaimana yang ada berhampiran dengan Sungai Siput itu, iaitu menjadi pusat melatihkan penternak-penternak moden sesuai dengan pembangunan zaman sains dan teknologi.

Tuan Yang Dipertua, apa yang saya gambarkan ini ialah secebis

pandangan sebagai membantu hasrat negara untuk menampung keperluan susu dan daging di negara ini serta dapat mewujudkan sedikit-sebanyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini dan pada pandangan saya kalau rancangan ini dapat dijalankan sudah pasti suasana masyarakat penternak di negara ini akan berubah dan taraf hidup mereka akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya akan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983 dengan sepenuh-penuhnya.

6.00 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahas Akta ini yang bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Walaupun Kerajaan mengemukakan Akta itu di Dewan yang mulia ini tanpa memberi alasan-alasan yang jelas terhadap pembubaran Lembaga Kemajuan Ternakan Negara, tetapi setahu saya Lembaga itu dalam tempoh 12 tahun yang lalu tidak pernah memainkan peranan yang positif dan berkesan di dalam bidang kemajuan ternakan negara, apa lagi di dalam bidang pentadbiran pun kurang memuaskan. Rakyat kita merasa tidak puas hati dan bersungut terhadap ketidak-cekapan Lembaga itu, oleh sebab walaupun Kerajaan telah cuba memajukan perusahaan ternakan, tetapi selama itu sama sekali tidak mendatangkan

faedah kepada negara dan rakyat. Sebaliknya harus diimport daging-daging dalam jumlah yang besar, umpamanya daging lembu, dari luar negeri untuk menemui tuntutan pasaran dalam negeri dan dengan sedar atau tidak, ianya mengakibatkan pengaliran lebih banyak modal ke luar negeri.

Bagi sesebuah negeri yang maju, kemajuan perusahaan ternakan adalah mustahak. Malahan menjadi satu faktor yang penting bagi kemajuan perusahaan produksi rakyat dan peningkatan taraf kehidupan rakyat khususnya di Malaysia di mana terdapat begitu luasnya kawasan yang sesuai bagi kemajuan perusahaan ternakan, kehidupan kebanyakan rakyat tidak akan berubah dan menjadi lebih baik, jikalau perusahaan ternakan tidak dapat dijadikan salah satu daripada perusahaan produksi yang utama di negeri kita.

Dalam tempoh 12 tahun yang lalu, Lembaga Kemajuan Ternakan Negara telah cuba memberi pertolongan kepada perusahaan ternakan, tetapi usahanya telah gagal. Ternakan jenis yang baik banyak diimport, namun tidak dapat menggalakkan pasaran daging lembu dalam negeri, bekalannya tidak mencukupi untuk keperluan. Kadang-kadang terdapat iaitu ternakan dan subsidi-subsidi bukan diberi kepada penternak-penternak yang benar-benar memerlukannya. Maka itu, mengadakan satu pembaikan atau overhaul dalam pentadbiran adalah satu perkara yang memerlukan tindakan segera.

Saya harap bahawa dengan membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dan dengan pemindahan kuasa, hak dan sebagainya, Kerajaan akan mendatangkan faedah kepada

penternak-penternak. Maka itu, suka saya membuat berbagai cadangan seperti berikut:

- (1) Memperhebatkan aktiviti-aktiviti propaganda darihal kemajuan perusahaan ternakan.
- (2) Mengadakan kursus-kursus darihal pentadbiran, pengurusan dan pengetahuan perusahaan ternakan bagi penternak-penternak.
- (3) Berkala-kala hantarkan pegawai-pegawai yang mahir di dalam bidang ini ke mana-mana ladang penternakan agar pertolongan yang praktikal boleh diberi dengan sertamerta jikalau perlu.
- (4) Laksanakan dengan keras skim-skim subsidi ternakan supaya penternak-penternak yang betul-betul memerlukannya dapat perolehi pertolongannya.
- (5) Izinkan pakar-pakar luar negeri datang melabur dan bersamasama kita membuka ladang-ladang penternakan pelbagai jenis. Ladang-ladang penternakan ini boleh dijadikan tauladan dari mana rakyat kita boleh mempelajari darihal perusahaannya.

Akhirnya saya berharap bahawa Kerajaan setelah dibubarnya Lembaga Kemajuan Perusahaan Ternakan ini boleh memajukan dan mengembangkan perusahaan ternakan di negeri kita dengan lebih pesat, lebih giat, supaya negeri kita akan menjadi satu negeri yang maju di dalam perusahaan ternakan. Sekian, terima kasih.

6.10 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain di dalam membahaskan membincang di samping memberi sokongan terhadap

pembentangan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sebentar tadi.

Soal kenapa dan mengapa Akta Lembaga Perusahaan Haiwan Negara 1972 yang di dalamnya mengandungi Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang pada satu ketika dahulu dengan susah payah ditubuhkan dan berjaya dilaksanakan kemudian ianya dicadangkan pula untuk dibubarkan melalui Dewan yang mulia ini di dalam keadaan negara memerlukan bahan protein bagi kesihatan rakyatnya, tidak perlu kita persoalkan, tidak perlu kita perbincangan kerana masalah-masalah ataupun persoalan-persoalan tersebut telah pun dinyatakan dengan jelas oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Sungguhpun keperluan daging di negara ini meningkat dari hari ke sehari dan dari masa ke semasa namun untuk memenuhi kehendak tersebut rakyat telah memperlihatkan kesanggupan dan keupayaannya di dalam memelihara binatang-binatang ternakan, baik secara persyarikatan, mahupun secara perkongsian, mahupun secara orang perseorangan. Atas hakikat tersebut, maka dewasa ini bilangan penternak-penternak kian bertambah dari masa ke semasa dan binatang-binatang yang ditenak jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan masa-masa yang lampau. Atas hakikat tersebutlah maka saya sekali

lagi menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya amat bersetuju dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Saidin di dalam memberi hujah-hujahnya sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, jangan menyebut nama, sebutkan kawasannya.

Tuan Khadri bin Sabran: Saya tarik balik atas sebut nama, Tuan Yang Dipertua.....

Tuan Yang Dipertua: Kawasan Padang Rengas.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih. Saya amat bersetuju dengan saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat wakil dari Padang Rengas di dalam pembentangan hujahnya sebentar tadi di mana beliau ada membuat saranan tentang pengambil kiraan faktor-faktor tenaga kerja di dalam agensi Maju Ternak yang ada sekarang ini. Kakitangan Maju Ternak yang pada masa ini perlu kita ambil kira sebelum kita memperhitungkan, sebelum kita menamatkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara. Kakitangan yang didapati sah menyeleweng dari dasar-dasar dari fungsi, tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan dihadapkan ke muka pengadilan dan kakitangan yang menjalankan peranan, tugas dan tanggungjawabnya mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan hendaklah ambil kira supaya mereka ini diserapkan ke dalam agensi-agensi atau jabatan-jabatan yang lain agar dengan penyerapan ini tidak berlaku pengangguran di kalangan mereka dan di dalam proses penyerapan kakitangan ke agensi atau jabatan-jabatan lain ini, inginlah pula saya

mencadangkan supaya Kerajaan perlulah juga mengambil kira faktor-faktor yang berikut:

Yang pertama, biarlah mereka yang dipindahkan daripada Maju Ternak ke dalam agensi yang lain ini diambil kira, dipertimbangkan dari sudut kekananan di dalam jawatan-jawatan ataupun dengan izin dari sudut "seniority", kerana kita tahu bahawa jika sekiranya seseorang kakitangan Kerajaan ataupun yang lazimnya kita panggil sebagai seseorang kakitangan di dalam sektor awam mahupun di dalam sektor badan-badan berkanun apabila seseorang itu berpindah daripada satu jabatan yang lain, daripada satu agensi kepada agensi yang lain, faktor kekananan ini sudah pun luput. Masuk dia ke dalam agensi yang baru maka perkhidmatannya dikira daripada tarikh dia berada di dalam agensi yang baru tersebut. Di dalam keadaan kita hendak membubarkan Maju Ternak ini, faktor kekananan di dalam jawatan tersebut perlulah diambil kira dan perlulah dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Di samping itu pula, faktor gaji juga perlu dipertimbangkan. Biasanya kalau seseorang kakitangan itu berpindah daripada satu jabatan ke jabatan yang lain, berpindah daripada satu agensi kepada agensi yang lain maka gajinya tidak disambung daripada gaji hakiki yang ia menerima sekarang, bila dia berpindah dari agensi A ke agensi B, di agensi B itu dia akan bermula dengan gaji yang baru. Jadi faktor-faktor ini perlu juga dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Yang kedua, berkaitan dengan tanah-tanah yang telah diusahakan, yang telah dimajukan oleh Maju Ternak itu sendiri dan daripada apa yang telah dilaporkan, daripada apa yang telah diberitahu, dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi bahawa tanah-tanah milik Maju Ternak dan apabila Maju

Ternak ini dibubarkan maka tanah tersebut terserah kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Berkaitan dengan perkara ini inginlah saya memberikan pandangan dan pendapat saya, kalau kita perhatikan keadaan sekarang, kita dapati ramai penduduk-penduduk di dalam negara ini yang sudah pun diberikan kursus menternak, ramai pula di kalangan rakyat di dalam negara ini yang mempunyai minat untuk menjadi penternak dan ramai pula rakyat di dalam negara ini dewasa ini yang sudah pun mula sedikit demi sedikit untuk menjadi seorang penternak atau kumpulan penternak. Malangnya, bilangan yang ramai untuk menjadi penternak dan sudah pun mula mengusahakan perusahaan penternakan haiwan ini, tidak ada kawasan-kawasan ternakan yang baik dan yang sesuai. Kalau ada yang baik dan yang sesuai ialah kawasan-kawasan yang telah dimaju oleh Maju Ternak itu sendiri di mana hutan rimbanya telah pun dibersihkan, rumput yang sesuai untuk makanan haiwan tersebut telahpun ditanam dengan baik dan subur.

Jadi apalah kiranya jika sekiranya kawasan yang luasnya beribu-ribu hektar itu diberikan secara lesen menduduki sementara (TOL) kepada penternak-penternak supaya mereka boleh melepaskan binatang-binatang ternakan mereka di kawasan-kawasan tersebut. Tidak payahlah lagi penternak-penternak ini menyuarakan rintihan dan hasrat mereka kepada Kerajaan supaya Kerajaan membuka kawasan-kawasan padang ragut di tiap-tiap daerah atau di tiap-tiap kampung. Kepada mereka yang ingin menternak dipersilakan ke padang ragut MAJUTERNAK yang hendak ditutup itu, peliharalah binatang ternakan di kawasan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lain yang ingin saya nyatakan di sini ialah mengenai pemasaran yang

sebentar tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa setelah tutupnya MAJUTERNAK ini maka bidang pemasaran daging akan diserahkan kepada FAMA. Pemasaran daging-daging ini juga menimbulkan sedikit masalah. Ada kawasan-kawasan yang mendapat bekalan yang cukup, ada pula tempat-tempat yang tidak mendapat daging yang cukup. Jadi perkara ini juga haruslah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan di samping pihak Kerajaan dapat memperketatkan lagi pengawasannya berkaitan dengan perilaku-perilaku menyembelih binatang ternakan yang tidak didaftarkan. Kita tidak tahu sama ada binatang-binatang itu betul-betul disembelih mengikut lunas-lunas yang dikehendaki oleh Islam, sama ada binatang-binatang itu betul-betul sah milik si penyembelih ataupun binatang tersebut dicuri di mana-mana. Jadi kelonggaran pengawasan daripada bidang yang saya sebutkan itu tadi menyebabkan desas-desus pada masa ini tersebar mengatakan daging yang dijual di pasar disembelih dengan tidak mengikut lunas-lunas Islam, daging yang dijual di pasar ini dicuri lembunya atau kerbaunya dan macam-macam lagi. Kerana adanya desas-desus tersebut maka saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mengawasi dengan lebih ketat lagi berhubung dengan perilaku-perilaku tersebut.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, inginlah sekali lagi saya menyatakan sokongan saya terhadap pembentangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kepong.

6.25 ptg.

Dr Tan Sang Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun membincangkan Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga

Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972. Saya bersetuju dengan pihak Kerajaan di sini untuk memansuhkan MAJUIKAN kerana boleh disifatkan sebagai pelabur habis pelembang tak alah. Jadi kalau tidak boleh dipulihkan lagi dari segi kewangan dan ekonomi kita hendaklah membatalkan sama sekali. Ini satu tindakan yang tepat dan betul. Akan tetapi saya hendak membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan.....

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, on a point of order. Saya minta supaya dapat diberi penjelasan Yang Berhormat itu menyebut MAJUIKAN atau MAJUTERNAK? Saya dengar MAJUIKAN.

Tuan Yang Dipertua: Dia kata MAJUIKAN (*Ketawa*). Masing-masing gelak, tidak ada siapa tegur dia.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, maksud saya MAJUTERNAK. Nampaknya segar belaka! Pengerusi MAJUIKAN pun nampaknya terperanjat tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tidak ada apa-apa yang hendak terperanjat. Adakah apa-apa yang dia tidak puas hati dengan MAJUIKAN? (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dengan beberapa projek-projek MAJUTERNAK yang gagal kerana pengurusan dan penyelewengan serta tamak-haloba yang menyebabkan MAJUTERNAK dan projeknya bankrupt. Satu perkara yang penting ialah kekurangan pertanggungjawapan awam (accountability) dan beberapa laporan

yang dibentangkan oleh Ketua Odit Negara, saya sudah teliti beberapa hal daripadanya, terutamanya sebelum MAJUTERNAK menjadi bankrupt, mereka yang bertanggungjawab tidak mengikut cadangan-cadangan Ketua Odit Negara. Begitu juga dengan beberapa badan-badan berkanun yang setakat ini dengar-dengar dipakai tidak; tidak mengemukakan penyataan-penyataan tahunan pada masa yang dikehendaki. Ini saya hendak menyebutkan MAJUIKAN pula di sini supaya tidak menghadapi masa depan yang gelap seperti MAJUTERNAK.

Jadi satu contoh saya ialah Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir 31hb Disember 1976 sebagai draft sahaja telah diterima kali pertamanya dalam bulan-bulan September 1981—5 tahun kemudian. Ini MAJUIKAN. Jadi kelewatan menyerahkan penyata kira-kira serta beberapa jadual yang menyokong angka-angka yang ditunjukkan dalam kunci kira-kira dan beberapa kesilapan dan ketinggalan dalam kira-kira itu. Penyata kira-kira yang muktamat bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1976 hanya diserahkan dalam Oktober 1982, hampir 6 tahun kemudian. Ini mengenai Penyata Kira-kira sahaja tetapi oleh kerana tidak ada masa, Tuan Yang Dipertua, sedangkan saya ada banyak perkara lagi.

Saya berasal daripada Pantai Timur dan mempunyai pengalaman dengan nelayan-nelayan dan saya berharap perkara yang saya bangkitkan ini walaupun dalam perbahasan saya mengenai MAJUTERNAK.....

Wan Mohd Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, on a point of order. Nampaknya Wakil dari Kepong ini tidak membincangkan apa yang dimaksudkan di dalam perbincangan kita hari ini. Kalau dia

hendak tahu masalah MAJUIKAN, sila datang ke rumah saya ataupun ke pejabat saya bila-bila masa. Jadi sekarang ini kita bincangkan penyata kira-kira atau apa-apa sahaja mengenai MAJUTERNAK, jangan hendak sindir-sindir ke lain. Kalau hendak mengetahui berkenaan dengan MAJUIKAN, datang; jangan kita sindirkan kerana saya lebih bertanggungjawab daripada Wakil Rakyat dari Kepong.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 17, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

UCAPAN PENANGGUHAN

**Buruh-buruh kontrek
di Rancangan FELDA
di Selancar Empat Pahang**

6.31 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan satu usul skandal dalam FELDA Selancar Empat yang meletus pada 9hb Julai ini telah menunjukkan dengan jelas dan

tepatnya tradisi mengelakkan tanggungjawab oleh badan-badan Kerajaan di negara ini apabila timbul sesuatu masalah.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, koram tidak cukup.

Tuan Yang Dipertua: Sila bilang. Bunyikan locing.

(Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Tuan Yang Dipertua: Hanya 13 orang Ahli sahaja—tidak cukup koram maka saya tangguhkan mesyuarat pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.